





MENGHADAPI ERA BARU

KOLEKSI N. A. HALIM

# Sekapur Sirih



Melihat tajuk perayaan iaitu 'BPU Satu Dekad - Menghadapi Era Baru' perayaan ini pada hemat saya mempunyai dua matlamat. Pertama, untuk menyorot kembali segala kemajuan yang telah dicapai daripada segi perkembangan organisasi, prestasi penerbitan, perkembangan kakitangan dan kegiatan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Kedua, untuk melaksanakan tindakan bagi menghadapi era (cabaran) baru iaitu hasil perubahan struktur organisasi Dewan Bahasa dan Pustaka sehingga terbentuknya Bahagian Penerbitan Am. Jika demikian, saya berharap agar segala acara yang diatur untuk menyambut perayaan ini memberi kesan yang positif kepada perkembangan

intelek, profesion, semangat bekerja yang lebih tinggi di samping semangat bekerjasama sebagai satu Bahagian yang mempunyai fungsi yang penting di Dewan Bahasa dan Pustaka.

Melihat program perayaan seperti Dialog Penulis – Editor, Seminar Rekabentuk, Pameran, Jualan Buku, Kuiz, Penghargaan Penulis dan Hadiah Galakan Rekabentuk, saya percaya perayaan ini akan memberi manfaat yang besar kepada orang-orang yang terlibat baik secara langsung maupun secara tidak langsung dengan bidang penerbitan.

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada jawatankuasa perayaan; dan kepada pihak-pihak yang turut menjayakan perayaan saya juga merakamkan berbanyak terima kasih.

Selamat menyambut usia satu dekad.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Musa Mohamad". It consists of a stylized first name and a more standard last name.

Datuk Musa Mohamad

Pengerusi Lembaga Pengelola DBP

# Seulas Pinang



'BPU Satu Dekad – Menghadapi Era Baru'. Bahagian Penerbitan Umum yang sekarang ini hanya tinggal namanya sahaja sejak penubuhan Bahagian Penerbitan Am merupakan bahagian yang penting dalam memenuhi matlamat memasyarakatkan dan membudayakan bahasa Malaysia melalui penerbitan.

Kepelbagai dan variasi kegiatan yang berhubung langsung dengan penerbitan serta kegiatan yang bukan penerbitan merupakan faktor-faktor yang menyebabkan Bahagian ini lebih menonjol di Dewan Bahasa dan Pustaka. Sasaran masyarakat hasil penerbitan Bahagian ini agak luas, bermula daripada peringkat kanak-kanak prasekolah, remaja

sehingga ke peringkat dewasa. Dari semasa ke semasa saya perhatikan Bahagian ini banyak mencetuskan idea baru, idea yang bukan sahaja bertujuan untuk mempertingkat mutu dan hasil penerbitan, malah idea untuk mempertingkat semangat bekerja, menambah bilangan bakat-bakat penulis serta menerbitkan buku secara bersiri yang dirancang begitu rapi.

Saya berharap sempena perayaan ini, Bahagian Penerbitan Am akan mengambil iktibar daripada pengalaman dan sejarah yang pernah dilalui oleh Bahagian Penerbitan Umum. Dan saya berdoa dengan misi dan visi yang lebih jelas, pencapaian Bahagian ini dan DBP khususnya akan berhasil dengan lebih berkesan.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Hassan Ahmad".

Datuk Hj Hassan Ahmad  
Ketua Pengarah

# Sepatah Kata



Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dan dengan petunjuk-Nya Bahagian Penerbitan Umum (BPU) sudah mencapai usia 10 tahun. Saya yakin usaha-usaha yang telah dijalankan oleh BPU selama satu dasawarsa telah mengangkat taraf, mutu dan penerbitan buku dan majalah umum dalam bahasa Malaysia untuk mengisi keperluan perkembangan *pendidikan am* masyarakat dan kemajuan bahasa Malaysia sebagai bahasa ilmu.

Sempena sambutan ulang tahun yang kesepuluh ini, saya bagi pihak kakitangan BPU menyampaikan penghargaan kepada bekas ketua kami Sdr. M. Noor Azam. Beliau telah memberikan asas yang begitu kukuh kepada BPU dalam bidang penerbitan buku umum dan majalah. Asas yang telah diletakkan oleh beliau ini memudahkan kami menyusun dan melaksanakan rancangan bagi memajukan kedua-dua bidang penerbitan itu.

Pada kesempatan ini, kami juga menyampaikan penghargaan kepada penyumbang majalah-majalah kami dan penulis-penulis buku umum. Tanpa sumbangan saudara semua tentulah kami tidak dapat menghadapi para pembaca seperti yang ada sekarang. Kami berharap dapat saudara menyambung sumbangan selanjutnya demi mempertingkat mutu majalah dan buku umum.

Kita juga harus sedar akan tuntutan zaman kini bahawa bahasa Malaysia perlu dijadikan bahasa ilmu moden, bahasa yang menyalurkan buah fikiran yang tinggi-tinggi. Maka adalah menjadi tanggungjawab kita menghadapi cabaran ini dengan merancang dan mengusahakan penerbitan yang menyahut keperluan ini. Pihak Pentadbiran Dewan telah pun meletakkan sarana yang sebaik-baiknya untuk kita bergerak, dan maju dengan menyusun semula organisasi BPU dengan menubuhkan Bahagian Penerbitan Am (BPA) yang dipertanggungjawabkan menerbitkan buku-buku umum, sastera, bahasa dan ensiklopedia. Dengan kekuatan, kegigihan, dan kesungguhan semua kakitangan BPA saya yakin kita akan mencapai matlamat ini.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Syed Omar Syed Ahmad".

Syed Omar Syed Ahmad  
Ketua Bahagian Penerbitan Am

# Secebis Bahasa



Marilah kita sama-sama bersyukur kepada Allah kerana cita-cita kita untuk merayakan *BPU Satu Dekad* akhirnya tercapai juga. Sebenarnya BPU cukup 10 tahun umurnya pada tahun 1985 yang lalu, dan rancangan untuk menyambutnya sudah juga disebut-sebut secara sepantas lalu. Namun kerana agaknya keghairahan memperingatinya tidak cukup memuncak, maka baru pada tahun 1986 ini rancangan itu terlaksana. Ada manfaatnya daripada kendala ini kerana kini kita menghadapi era baru dengan nama baru Bahagian Penerbitan Am yang tentu saja dengan datangnya teman-teman karyawan dari Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan Bahagian Buku Pelajaran.

Walaupun, barangkali, kerja kita ini dianggap orang sebagai 'kegiatan daerah', tetapi penyelenggaraannya tidaklah seluruhnya mudah. Dengan segala macam rekod yang nampaknya seperti tidak tersimpan rapi dan beberapa keterangan

yang berselerak dalam ingatan beberapa orang yang masih terlibat, kita kira-kira telah berhasil mengumpulkannya seada-ada lalu mempamerkannya kepada masyarakat dengan suara: 'Inilah BPU! Dari sinilah dengan nama BPA kami berazam untuk menjawab cabaran era baru!'

Dalam mengatur rancangan kerja, kita sebenarnya berhasil melangkaui batas daerah lalu, mahu tidak mahu, kita merancangkan juga 'kegiatan kebangsaan'. Ini memang tidak dapat dielakkan kerana Dewan sebagai wadah bahasa dan sastera amat memerlukan penglibatan daripada semua karyawannya sama ada secara menyeluruh atau secara berkelompok. Kita membuatnya secara berkelompok.

Saya berasa amat bangga dan bertuah kerana menjadi semacam orang tua kepada sekumpulan anak muda yang cukup berminat, rajin, tekun dan gigih melaksanakan tugas ini. Mereka bekerja dalam suasana kekeluargaan yang mesra dan kebersamaan yang erat. Saya berasa cukup yakin, dengan sifat dan sikap semacam ini, kita bakal berhasil merayakan dekad-dekad berikutnya dengan lebih cemerlang lagi.

A handwritten signature in black ink, appearing to read "Saleh Daud".

Haji Saleh Daud  
Pengerusi BPU Satu Dekad  
– Menghadapi Era Baru

# Latar Belakang Bahagian Penerbitan Umum

Bahagian Penerbitan Umum (BPU) mula berfungsi pada 15 Julai 1975. Sebelum bahagian ini ditubuhkan, BPU asalnya daripada Cawangan Umum yang ketika itu di bawah naungan Bahagian Perkembangan Sastera (BPS). Pada masa itu cawangan ini mengendalikan penerbitan buku dewasa dan buku kanak-kanak, termasuk majalah *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Pelajar*.

Apabila dilakukan perombakan dalam BPS pada tahun 1975, maka bahagian ini berpecah dua menjadi Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan Bahagian Penerbitan Umum (BPU). Pengwujudan dua bahagian yang penting dalam pengurusan dan pentadbiran DBP bagi melicinkan lagi proses penerbitan telah menjadi titik bermulanya BPU sebagai satu bahagian penerbitan yang penting di DBP.

Serentak dengan penubuhan BPU ketika itu dua cawangan ditubuhkan iaitu Cawangan Buku Dewasa (CBD) dan Cawangan Buku Kanak-kanak (CBKK) yang matlamat utamanya menerbitkan buku-buku umum, di samping menerbitkan juga majalah *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Pelajar*. Cawangan-cawangan ini seterusnya berkembang dari semasa ke semasa dalam usaha mencari satu identiti khusus supaya dapat mengendalikan serta menerbitkan buku-buku dan majalah yang berkualiti sesuai untuk dijadikan bahan bacaan kepada para pembaca umum.

Menjelang tahun 1979, cawangan-cawangan yang ada di BPU telah dapat membentuk satu identiti cawangan masing-masing dalam usaha mengendalikan dan menerbitkan buku dan majalah. Pada masa inilah setiap cawangan berjaya merancang serta mengendalikan penerbitan buku dan majalah dengan lebih sistematis. Pada tahap ini buku-buku umum dewasa dan kanak-kanak telah dirancang dengan teliti iaitu dari peringkat manuskrip hingga kepada terbitnya sebuah buku. Perkembangan ini telah menjadikan BPU sebagai satu bahagian yang matang dalam mengendalikan penerbitan buku, terutamanya pada tahun-tahun 80-an kerana sebelum itu kebanyakan penerbitan buku dihasilkan tanpa perancangan manuskrip yang khusus; buku-buku diterbitkan daripada manuskrip yang tidak dirancang.

Pada tahun 1979 majalah *Dewan Siswa* telah diterbitkan dan pada tahun 1983, Cawangan Buku Remaja ditubuhkan dan penubuhan cawangan ini telah memberikan pengkhususan yang lebih jelas terhadap tanggungjawab CBKK.

BPU seterusnya berjaya menghasilkan buku-buku umum dan majalah yang dapat memberi sumbangan kepada para pembaca

khususnya untuk peringkat bahan-bahan bacaan umum. Oleh yang demikian perayaan BPU satu dekad ini wajar sekali diadakan memandangkan Bahagian ini berjaya mencapai motif penubuhannya iaitu menjadikan bahagian ini satu "keperluan masyarakat" dan kepentingan nasional. Berseuaian dengan motif bahagian ini, matlamat-matlamat am BPU ialah:

- i. Menerbitkan buku-buku pengetahuan dalam pelbagai lapangan bacaan umum dalam bahasa Malaysia yang sesuai dibaca oleh pelbagai peringkat dan golongan pembaca dewasa.
- ii. Menerbitkan bahan-bahan bacaan yang dapat memberikan panduan praktik dan pengetahuan tambahan kepada golongan pembaca tertentu untuk membolehkan mereka memajukan lagi usaha atau penyertaan masing-masing dalam bidang ekonomi, sosial, politik, kerjaya dan profesional.

Kiri: Pelancaran Gerakan Membaca 1980

Tengah: Konvensyen Editor 1985

Bawah: Majlis Perpisahan Sdr. M. Noor Azam 1983



- iii. Menerbitkan buku-buku bacaan kreatif dan bacaan untuk pengetahuan bagi kanak-kanak dalam peringkat umur sekolah yang juga bertujuan menyemai apresiasi sastera di kalangan kanak-kanak.
- iv. Menerbitkan bahan-bahan bacaan umum yang dapat membina sikap dan pemikiran yang kritis, dinamik, rasional dan progresif di kalangan rakyat terutama tentang isu-isu dan perkara-perkara yang berkait dengan pembinaan negara.
- v. Memupuk dan mengembangkan minat membaca di kalangan masyarakat dewasa dan kanak-kanak khasnya terhadap buku dan majalah terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka.
- vi. Memaju dan meningkatkan kesanggupan kreativiti serta produktiviti para penulis dalam semua peringkat dan bidang bacaan umum.



Jika disorot kembali sejarah BPU dari penubuhannya sehingga mencapai usia satu dekad, bahagian ini berjaya mencapai matlamat-matlamat amnya. Kejayaan ini adalah hasil kegigihan kakitangan BPU bersama-sama dengan peranan bahagian-bahagian lain yang ada di DBP. Kerjasama yang wujud di kalangan kakitangan BPU dan kerjasama di antara bahagian selama satu dekad telah membawa hasil penerbitan buku-buku umum dan majalah yang sesuai untuk bacaan semua golongan pembaca dalam pelbagai bidang.

Pada awal tahun ini, BPU telah menempuh satu era baru kerana bahagian ini dirombak lagi yang mewujudkan Bahagian Penerbitan Am (BPA). Rombakan ini telah memisahkan cawangan buku dan majalah. Kini majalah diletak di bawah Bahagian Majalah, sementara cawangan buku iaitu CD, CR dan CKK digabungkan dengan Cawangan Buku Bahasa (CBB) dan Cawangan Buku Sastera (CBS) di bawah bumbung BPA.

Sebelum penubuhan BPA, CBB terletak dalam Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa (BPPB), tetapi pada November 1981 CBB telah dipindahkan ke Bahagian Buku Pelajaran. Pada 1 Mac 1986 secara rasminya cawangan ini sekali lagi dipindahkan ke BPA, dan perpindahan secara fizikalnya dilakukan pada 17 April lalu. Sementara CBS sebelum ini iaitu pada tahun 1975 diletakkan di BPPS, dan pada 1 Mac tahun ini secara rasmi dipisahkan dari BPPS dan bersama-sama cawangan lain ditempatkan di bawah satu bahagian baru yang dikenali sebagai BPA.

Walaupun secara rasmi BPA ditubuhkan pada 1 Mac 1986, namun penempatan semula semua cawangan iaitu CBD, CBR, CBB, CBS dan CBKK di dalam satu ruang pejabat dilakukan pada 17 April. Disamping itu, Cawangan Ensiklopedia yang diwujudkan pada awal tahun ini juga ditempatkan di bawah BPA. Dengan ini, tarikh 17 April menjadi biji benih bagi BPA untuk menjayakan era barunya.





Atas Kiri: Hari Jadi Syed Omar Syed Ahmad

Atas: Majlis Perasmian Minggu Remaja 1986 dan Pelancaran Buku *Impian Murni*

Kiri: Minggu Kawanku Buku 1986

Bawah: Majlis Perasmian Minggu Kawanku Buku 1986 dan Pelancaran Buku *Siri Semasa Kecilku*





# Buku Yang Menang

## I. Hadiah Buku Kebangsaan – Pesta Buku Malaysia

1984

1. *Bagaimana Menyediakan Cadangan Pinjaman*  
– PERTAMA
2. *Kehidupan Manusia Terancam*  
– KETIGA
3. *Anak Din Biola*  
– PERTAMA
4. *Mendung Semalam*  
– KETIGA
5. *Pameran Visual*  
– PERTAMA
6. *Cetakan Skrin*  
– PENGHARGAAN

1985

1. *Bawang Merah*  
– PERTAMA
2. *Tiki, Tiko, Tiku*  
– PERTAMA
3. *Guruku Ibuku Jua*  
– KEDUA
4. *Ke Mana Sang Kancil*  
– PERTAMA
5. *Aku Anak Timur*  
– PERTAMA

## II. Hadiah Buku Pendidikan 1984

– Persatuan Suluh Budiman

1. *Teknologi Pendidikan*

## III. Hadiah Kementerian Pelajaran Malaysia

– Projek Kanak-kanak Dengan Pembacaan 1979

1. *Man dan Min*  
– BUKU TERBAIK (FIKSYEN)
2. *Kucing Dengan Tupai*  
– BUKU TERBAIK (ILUSTRASI)

# Cawangan Buku Dewasa

## Dari Cawangan Buku Dewasa ke Unit Penerbitan Buku Dewasa – Satu Catatan Ringkas

Pada tahun 1974, Dewan Bahasa dan Pustaka melangkah ke satu tahap desentralisasi dan pengkhususan kerja penerbitan. Penerbitan buku bukan buku teks yang bermula dalam Bahagian Sastera dipecahkan kepada dua bahagian: satu bahagian mengendalikan kerja penyelidikan sastera dan penerbitan buku sastera yang mendapat nama baharu, Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan satu bahagian baharu ditubuhkan dengan nama Bahagian Penerbitan Umum (BPU) mengendalikan penerbitan buku bagi bacaan umum dan buku kanak-kanak. Dengan pembahagian tugas dan penubuhan bahagian baharu ini, terbitlah majalah semi ilmiah popular *Dewan Masyarakat* dan majalah khusus untuk bacaan kanak-kanak, *Dewan Pelajar*. Di samping itu di BPU wujud cawangan baharu yang rasmi untuk mengendalikan buku bacaan kanak-kanak melalui Cawangan Buku Kanak-kanak dan cawangan yang mengendalikan buku-buku bagi bacaan umum, diberikan nama Cawangan Buku Dewasa (CBD).

CBD pada mulanya merupakan satu cawangan yang kecil dan berkembang secara beransur-ansur. Editornya bertukar ganti. Tidak ada seorang pun editor buku umum dewasa yang masih kekal hingga kini, kecuali dua editor yang masuk apabila CBD bermula pada tahun pertama BPU ditubuhkan iaitu Sdr. Mohd Jajuli Abd Rahman (Ogos 1975) dan Sdr. Zainab Kassim (Mac 1978); kini kedua-duanya sudah bergelar haji.

Almarhum Abu Yazid Abidin (Wijaya Mala), penulis cerpen tahun 50-an, merupakan salah seorang editor yang telah merintis CBD di bawah pimpinan Sdr. M. Noor Azam, pengasas dan Ketua Bahagian Penerbitan Umum yang pertama.

CBD wujud dengan tugas yang khusus: menerbitkan buku bukan kreatif dalam bahasa Melayu bagi bacaan orang ramai. Jenis buku bukan kreatif bagi bacaan umum pada mulanya agak longgar kriterianya dan terpulang kepada pemikiran editor bagi menentukan keperluan orang ramai dan keutamaan dalam membina tajuk serta memilih manuskrip yang dihantar oleh penulis. Senarai buku yang telah diterbitkan pada tahun-tahun permulaannya, 1975, 1976, 1977 dan 1978 dapat melambangkan bidang dan jenis buku yang diusahakan oleh Cawangan ini pada peringkat awalnya. *Panduan Peniaga Kecil* oleh Dr. Mahathir Mohamad yang terbit pada tahun 1976 masih lagi menjadi senarai terbitan CBD hingga kini dan judul ini telah melalui dua

kali ulang cetak dan akan mengalami cetakan yang ketiga. Buku ini menjadi 'backlist' yang tetap kepada Cawangan ini. Judul seperti *RMK II, Adat dan Istiadat Melayu, Apa Erti Pembangunan*, merupakan beberapa judul awal yang melambangkan jenis buku yang diusahakan oleh Cawangan ini.

Bahasa Melayu harus diisi dengan pengetahuan melalui terjemahan dan beberapa judul terjemahan yang awal melambangkan juga bidang bukan terjemahan. Antara judul awal dalam bidang terjemahan ialah *Teknik Kepemimpinan, Dunia Kita Yang Sesak, Pemberontakan Di Lembah Nil, Bagaimana Menjadi Wartawan dan Guru Adalah Segala-galanya* hingga kepada *Aspek Kemanusiaan Dalam Pengurusan, Eksekutif Yang Berkesan dan Hakikat Organisasi*. Buku terjemahan yang sedang diusahakan adalah 'Total Quality Control', 'How To Be A Successful Manager' dan 'The Mind of The Strategist'.



Dan setelah satu dekad wujudnya BPU dan CBD, bidang pengkhususan mula menampakkan diri dalam senarai penerbitan Cawangan ini. Editor buku menerima cabaran masa serta cabaran mengisi bahasa Melayu dengan ilmu pengetahuan. Kini, melalui senarai terbitannya, terdapat berbagai-bagi siri, antaranya siri yang meliputi Urusniaga dan Pengurusan, Undang-undang dan Perlembagaan, Panduan Keluarga, Kesihatan dan Perubatan. Satu siri yang akan menjadi rujukan asas dalam berbagai-bagi bidang ilmu dan yang diharapkan dapat mengisi bahasa Melayu dengan bahan rujukan untuk umum, ialah siri Konsep Asas. Dalam siri ini, judul seperti Konsep Asas Sosiologi (mengalami cetakan ketiga sejak diterbitkan pada tahun 1979), menjadi popular kerana banyak penulisnya terdiri daripada para akademik dan pensyarah. Judul seperti 'Konsep Asas Politik', 'Konsep Asas Perhubungan Awam', 'Konsep Asas Perfileman', 'Konsep Asas Pengurusan', 'Konsep Asas Penerbitan' yang kini dalam pembinaan melambangkan kandungan siri ini.

Siri baru yang sedang diusahakan ialah siri tentang kebudayaan dan warisan budaya Melayu yang semakin hilang dalam zaman teknologi ini. CBD cuba menimbulkan semula segala warisan budaya dan kemahiran Melayu yang hampir dilupakan disebabkan landaan moden. Adalah diharapkan melalui warisan budaya, bukan semata-mata budaya tampak dan seni tampak, malahan yang utamanya ialah budaya kerja dan berfikir orang Melayu serta konsep hidup orang Melayu dapat diketengahkan bagi tatapan dan pemikiran generasi kini dan akan datang.



Atas Kiri: Haji Ismail Ahmad

Kiri: Kakitangan Cawangan Buku Dewasa

Kanan: Penghargaan Editor 1985

Dalam hubungan ini, CBD mendapat kerjasama yang amat menggalakkan daripada para pensyarah dan ahli akademik. CBD telah menubuhkan satu 'unit khas' bagi mengendalikan siri penerbitan budaya dan psikologi orang Melayu. Satu lagi siri yang mencabar yang ditulis oleh Sdr. A. Halim Nasir bertujuan memperkenalkan dan memaparkan warisan kemahiran orang Melayu melalui seni ukir dan seni binaan rumah dan kota-kota lama. Siri ini melambangkan kemahiran ketukangan dan kesenian tangan orang Melayu. Di samping usaha yang diam-diam melalui kerja penyelidikan dan nasihat Prof. Mohd. Taib Osman dalam bidang kebudayaan dan aspek-aspek budaya Melayu, sebuah buku hasil penyelidikan sedang diusahakan, iaitu tentang 'Senaman Melayu'.

Sesungguhnya ilmu tidak ada batas, yang membataskan penerbitan buku pengetahuan ialah pilihan keutamaan yang sesuai untuk diusahakan oleh Cawangan ini dan para penulis. Melalui kumpulan editor yang kecil bagi memenuhi misi dan visi DBP yang mencabar, cawangan ini telah membina tajuk buku dengan pertimbangan supaya DBP tidak akan bertimbang kerja dengan penerbitan swasta dalam usaha menambahkan dan memperkaya bahasa Melayu dengan ilmu pengetahuan melalui bidang penerbitan.



Pada tahun 1980 CBD telah mengadakan Peraduan Menterjemah Buku Pengetahuan, dan memulakan kerja penyelidikan tentang pembacaan dengan kerjasama para akademik di bawah anjuran Toyota Foundation. Pada tahun 1980 sebuah bengkel untuk editor diadakan. Bengkel diberikan oleh seorang pakar dari UNESCO, S.A. Klitgaard. Hasil bengkel, terbit sebuah buku oleh Klitgaard berjudul *Pegangan Pengarang*, sebuah manual untuk para penulis dan editor.

Seminar tentang penerbitan buku dalam bahasa Malaysia telah diadakan pada tahun 1981 dengan kerjasama Persatuan Penerbit Malaysia dan Persatuan Penjual-penjual dan Pengedar Buku.

Selepas tahun 1980, CBD telah mengambil dasar dan sikap baru, iaitu mengurangkan kerja-kerja kegiatan dan lebih memberikan perhatian kepada pembinaan tajuk dan penyuntingan, di samping menumpukan kerja pemantapan dengan mengadakan seminar kecil khusus untuk kakitangan BPU sahaja. Dengan kegiatan demikian, CBD akan dapat memberikan tumpuan kepada kemantapan kerja, di samping menghantar editor ke seminar-seminar di luar DBP dan juga dalam DBP yang diadakan di DBP.

Pada umumnya, CBD mempunyai satu moto yang tersirat: Menerbitkan buku pengetahuan popular bagi bacaan umum yang ditulis oleh para akademik. Buku bacaan umum dapat dibezakan daripada buku teks dan buku bukan kreatif dengan pengertian bahawa buku umum bukanlah buku teks, tetapi dapat dan boleh dibaca oleh mahasiswa, lulusan universiti dan oleh

golongan profesional supaya bacaan mereka dapat dialihkan daripada bacaan dalam bahasa Inggeris kepada bacaan dalam bahasa Melayu. Inilah missi dan visi CBD – satu ketika apa sahaja ilmu yang terbaru yang ada dalam bahasa asing dapat dibaca dalam bahasa Melayu. Sesungguhnya ini merupakan satu beban yang berat dan satu missi yang mengambil jangka waktu yang amat panjang dan berterusan untuk dicapai.

Insya Allah, dengan tekun dan sabar dan dengan cabaran yang kuat dalam bidang editorial yang profesional, DBP melalui CBD (dan dalam penyusunan semula kini cawangan ini dikenali dengan nama Unit Penerbitan Buku Umum) para editor sentiasa melihat jauh ke hadapan untuk melaksanakan missi dalam visi yang jelas bagi memenuhi kehendak pembaca dan orang ramai yang semakin memerlukan bahan bacaan yang berat dan ilmiah sebagai bacaan popular.

—Haji Ismail Ahmad  
Ketua Cawangan Buku Dewasa

**Editor :** Haji Mohd Jajuli Abd Rahman  
Hajah Zainab Kassim  
Sdr. Padilah Haji Ali  
Sdr. Kamsiah Mohamad  
Sdr. Khairil Anuar b. Ishak

**Pembantu Editor**  
**Tkt. Kanan:** Sdr. Jaafar Abdul Rahim

**Pembantu Editor** : Sdr. Asiah Daud

# Cawangan Buku Remaja

## "Setinggi-tinggi Gunung Tinggi Lagi Harapan....."

Mengelolakan penerbitan majalah *Dewan Siswa* (dari Oktober 1982 – Mac 1984), menyeret saya sekali lagi ke dalam bidang penulisan remaja yang telah sekian lama saya tinggalkan. Sebagai penulis, saya bermula dengan menghasilkan karya berupa cerpen dan novel untuk remaja. Paling akhir saya menulis di dalam bidang tersebut ialah pada kira-kira tahun 1973. Cuma kali ini saya berada di dalam keadaan yang berbeza: bukan lagi sebagai seorang penulis tetapi sebagai perancang dan editor bidang penerbitan untuk remaja.

Pengalaman mengendalikan *Dewan Siswa* banyak mengajar saya tentang beberapa realiti bidang kesusastraan remaja ini. Amat besar sekali minat penulis-penulis kita terhadap bidang ini. Banyak pula penulis yang menumpukan perhatian sepenuhnya dalam bidang berkeraan. Ruangan kreatif yang sangat terbatas dalam majalah itu, menjadi rebutan penulis-penulis yang telah mencipta nama dalam bidang itu, di samping penulis-penulis baru.

Kami sengaja memberikan nama 'Cerpen Untuk Siswa' bagi karya-karya penulis dewasa yang tersiar dalam ruangan itu. Ini adalah untuk membezakan karya tersebut dengan kategori karya lain yang dihasilkan oleh penulis remaja yang sebenarnya. Penulis-penulis baru ini mendapat peluang yang cukup banyak untuk mencuba bakat mereka di dalam *Dewan Siswa*. Terdapat ruangan 'Cerpen dari Siswa', 'Inilah Kisahku' dan dua halaman penuh ruangan untuk sajak.



Johan Jaaffar  
(Ketua Cawangan Buku Remaja)

Berdasarkan perangkaan, amat besar sekali minat yang diperlihatkan oleh para remaja sendiri dalam bidang penulisan. Mereka tidak punya wadah yang banyak untuk berkarya. Maka *Dewan Siswa* dan segelintir majalah yang seumpamanya menjadi gelanggang mereka mencuba bakat, meluahkan rasa hati dan menyatakan pada dunia bahawa mereka juga mahu berbicara secara kreatif. Pada waktu itu *Dewan Siswa* menerima tidak kurang daripada dua buah cerpen dan 10 buah sajak sehari dan bayangkan jumlahnya bagi sebulan atau setahun. Sekiranya *Dewan Siswa* menyiarkan dua buah cerpen sebulan, cerpen yang diterimanya dalam sebulan boleh dimuatkan dalam 30 keluarannya.

Saya selalu teringat bahawa sewaktu saya mula-mula menulis, tidak banyak peluang untuk mendapatkan karya saya diterbitkan. Kalau ada pun majalah-majalah dan ruangan sastera di dalam akhbar, penulis baru terpaksa bersaing dengan penulis-penulis yang bernama untuk mendapat tempat di dalam ruangan-ruangan itu. Tambahan pula amat kurang sekali bengkel atau bimbingan yang diberikan kepada penulis-penulis baru yang berbakat. Saya terfikir alangkah baiknya jikalau penulis-penulis remaja ini didedahkan kepada bengkel penulisan yang sistematis sejak awal lagi. Sekiranya mereka diberikan lebih banyak kesempatan untuk berkarya kita akan dapat melahirkan satu generasi penulis yang dapat menjadi pelapis kepada golongan penulis yang sedia ada. Inilah yang saya impikan.

Saya mengetuai Cawangan Remaja (CR) dengan harapan:

1. Meluaskan skop bidang penerbitannya.
2. Membuka lebih banyak peluang kepada penulis-penulis baru.
3. Memikirkan kemungkinan mengadakan bengkel penulisan untuk penulis remaja.

CBR yang diwariskan kepada saya mempunyai petugas-petugas yang bukan sahaja bernama di dalam bidang penulisan seperti Sdr. Ali Majod dan Sdr. Rubaidin Siwar tetapi juga merupakan kumpulan



editor yang berpengalaman dan cukup dedikasi seperti Sdr. Kamariah Yusof. Seorang lagi yang perlu saya sebutkan iaitu Sdr. Razak Mamat yang teliti bekerja walaupun agak 'volatile' orangnya.

Apabila Razak berpindah ke Kota Kinabalu, Mahani pula mengambil tempat. Walaupun tidak lama di cawangan ini, Mahani telah memperlihatkan ketekunan yang luar biasa dan hasrat ingin belajar yang kuat. Paling akhir ialah kemasukan Khatijah Ismail yang sebelumnya bertugas sebagai sidang editor *Dewan Pelajar*. Khatijah orang baru di dalam bidang kerjanya tapi mempunyai minat dan kesungguhan yang besar untuk mendalami bidang dan ilmu.

Saya teringat seorang teman editor sebuah majalah bulanan *Bungei-Shinju* yang amat popular di Jepun mengatakan bahawa editor tidak ubahnya 'kurogo' di dalam pementasan Kabuki. 'Kurogo' ialah petugas pentas yang khas berpakaian hitam dan tugasnya membentulkan pakaian pelakon Kabuki sewaktu pementasan

sedang berjalan. Ini merupakan satu ciri yang unik bagi teater tradisi yang menarik itu.

Saya rasa editor lebih dari hanya 'kurogo'. Editor bukan tukang terima manuskrip, tukang buat laporan, tukang sunting dan tukang urus percetakan. Mengedit adalah satu kerja intelektual, hanya orang cerdik sahaja dengan kecerdikannya boleh menghasilkan buku yang baik. Editor adalah pemikir, perancang dan pemerhati yang tekun. Tugasnya yang utama ialah membina tajuk-tajuk yang baik dan kemudian mengerjakan manuskrip yang diterimanya, supaya yang terhasil kelak ialah buku yang bermutu.

Yang harus kita banyakkan ialah editor yang begini. Yang tidak hanya bersenang-senang mengharapkan manuskrip yang baik akan turun dari langit, yang berpuas hati dengan suntingan dalam sehari, yang berbahagia apabila kenaikan gajinya tidak dihalang. Editor seperti ini tekun, rajin tetapi mudah berpuas hati. Cuma dia akan mudah bosan, dia akan hidup dalam kokon keseronokan yang terbatas kerana baginya dunianya yang amat sempit dan kerja

hariannya adalah satu tugas yang rutin. Sifat dinamis, pandangan yang terbuka dan lingkungan pergaulan yang luas adalah suatu ideal yang tidak dapat dicapainya.

Cawangan Remaja di bawah 'rejim' saya (begitu kata orang), cuba melihat lebih jauh ke dalam dunia penerbitan yang selama ini disempitkan skopnya. Cawangan ini melihat secara objektif satu dimensi bidang penerbitan yang luas, baik yang bersifat kreatif atau bukan kreatif. Cawangan ini percaya bahawa satu carta bidang yang rapi dapat membantu kita mengenalpasti keutamaan. Selain daripada itu cawangan ini juga meletakkan beberapa hal sebagai tindakan segera:

1. Skim galakan penerbitan remaja.
2. Rancangan penerbitan remaja.




Atas: Dialog dengan Sasterawan Negara

Kiri: Kakitangan Cawangan Buku Remaja

Bawah: Minggu Remaja 1986





Skim galakan penerbitan remaja menggunakan model skim yang sama untuk buku-buku sastera dewasa yang dibuat di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Manuskrip yang diterima baik daripada penulis baru atau penulis lama di dalam bidang remaja akan diserahkan kepada panel untuk dinilai dan dibuat laporan dan laporan itu akan dikembalikan bersama-sama manuskrip asal untuk penulis. Setakat ini 20 buah manuskrip telah menyertai skim tersebut. Malah salah sebuah manuskrip yang pernah menyertai skim ini telah diperbaiki oleh penulis dan dikembalikan untuk penilaian semula. Manuskrip 'Cinta Seorang Guru' karya Mohd Ismail Sarbini sedang di dalam proses penerbitan.

Cawangan selalu percaya bahawa salah satu rancangan utamanya ialah menerbitkan karya-karya remaja sendiri. Syukurlah cita-cita ini telah terlaksana dengan terbitnya 3 buah kumpulan karya yang sepenuhnya ditulis oleh para remaja. Pada tahun 1985, kumpulan sajak *Bunga Pelangi* telah diterbitkan bersama-sama kumpulan cerpen *Biarkan Aku Sendiri*. Pada tahun ini pula, *Impian Murni*, kumpulan cerpen 10 orang penulis remaja telah dapat kami terbitkan. Pada masa ini sebuah lagi kumpulan puisi remaja sedang diselenggarakan oleh Sdr. Ahmad Razali dan Sdr. Siti Zainol Ismail. Judulnya ialah "Sepasang Ombak".

Sehubungan dengan penerbitan kumpulan-kumpulan ini, cawangan telah memulakan satu tradisi baru di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada tahun lalu kesemua penulis yang karya mereka tersiar di dalam *Biarkan Aku Sendiri* dan *Bunga Pelangi* telah diundang untuk menyertai Minggu Remaja yang pertama. 27 orang penulis yang berusia di antara 17 hingga 23 tahun telah hadir. Pada tahun ini, 38 orang penulis remaja di bawah 21 tahun telah menghadirinya. Cuma kali ini formatnya berbeza sedikit. Selain daripada lawatan dan siri dialog, penulis-penulis ini juga didekah kepada satu bengkel penulisan intensif yang dikendalikan oleh Sdr. Ali Majod dan Sdr. Rahman Shaari dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Benarlah seperti kata Yang Berbahagia Datin Masnah Rais, sewaktu melancarkan buku *Impian Murni*, bahawa walau apa pun kerjaya yang akan dipilih oleh anak-anak muda ini kelak, pentadbir, peguam atau pendidik, yang lebih baik adalah mereka yang memahami tradisi kebudayaan dan kesusasteraan bangsanya yang bermaruah.

Masih jauh sebenarnya jalan yang harus dilalui oleh CBR dalam usaha untuk menjadi pelopor dan penentu arah dan masa depan sastera remaja tanahair.

—Johan Jaaffar  
Ketua Cawangan Buku Remaja

<i>Editor</i>	: Sdr. Ali Majod Sdr. Hamzah Isa
<i>Pembantu Editor</i>	: Sdr. Kamariah Yusof Sdr. Khatijah Ismail Sdr. Rasma (Pelatih dari UM)

## Cawangan Buku Kanak-kanak



## Penciptaan Buku Kanak-Kanak: Missi yang Murni

Tahun 1975 merupakan tahun yang bersejarah bagi Bahagian Penerbitan Umum (BPU) amnya dan Cawangan Buku Kanak-kanak (CBKK) khasnya. Sebelum itu BPU hanya Cawangan Umum (CU) di bawah naungan Bahagian Perkembangan Sastera, mengendalikan penerbitan buku umum dewasa dan kanak-kanak, termasuk majalah *Dewan Masyarakat* dan *Dewan Pelajar*.

Apabila CU dinaikkan ke taraf Bahagian Penerbitan Umum (BPU), CBKK turut menjadi salah sebuah cawangannya. Dengan dianggotai oleh dua orang pegawai (seorang sebagai Ketua) dan dua orang pembantu, cawangan ini terus berkembang dengan menerbitkan DP dan buku-buku sastera dalam bentuk buku bergambar untuk kanak-kanak 7 – 9 tahun, buku berilustrasi, antologi cerpen, puisi dan novel untuk kanak-kanak dan remaja daripada umur 10 – 15 tahun (ketika itu Cawangan Buku Remaja belum wujud lagi). Pada masa itu, segala buku yang diterbitkan adalah daripada manuskrip yang tidak dirancang dan tidak dibina (unsolicited). Soal kewangan juga tidak menjadi masalah yang besar.

Menjelang tahun 1978 anggota CBKK bertambah menjadi tujuh orang semuanya, tiga orang membantu Ketua CBKK mengendalikan *Dewan Pelajar*, dan tiga petugas mengendalikan buku. Dari segi latihan juga amat menggalakkan. Tiga orang anggotanya telah diberi peluang berkursus/melanjutkan pelajaran – dua orang di luar negeri dan seorang di Universiti Malaya. Kemudiannya seorang lagi melanjutkan pelajarannya ke luar negeri.

Sempena Tahun Antarabangsa Kanak-kanak iaitu pada tahun 1979 CBKK mempergiat lagi usaha ke arah penerbitan buku, kegiatan menggalakkan membaca

dan kegemaran lain seperti drama kanak-kanak. Dua judul buku CBKK, *Kucing dan Tupai* dan *Man dan Min* juga telah menerima hadiah Kementerian Pelajaran bagi buku kanak-kanak terbaik. Tahun ini juga menampakkan beberapa perubahan di CBKK. Beberapa buah manuskrip sudah mula dibina tajuk, perancangan penerbitan dan kegiatan memajukan penerbitan yang lebih rapi telah dibuat bagi tahun-tahun 80-an.

Editor CBKK sudah mula diundang menghadiri seminar antarabangsa seperti di Filipina (Consultation on Children's Literature 1980), menjadi peserta atau pemerhati di Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penerbitan Bersama Asia di Kuala Lumpur yang dikelolakan bersama oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (BPU) dan ACCU 1980, 1982, 1983 dan 1984 di Tokyo; di Cambridge tahun 1982 (Kongres IBBY). Kerjasama dengan badan-badan lain dalam

Bawah: Datin Hajah Hamsiah bt. Hj. Abdul Hamid (Ketua Cawangan Buku Kanak-kanak)

Paling bawah: Kakitangan Cawangan Buku Kanak-kanak





penerbitan buku diteruskan, seperti dengan UNICEF (*Kawan Serata Dunia*), Kedutaan Diraja Denmark (*Anak Itik Hodoh*) dan dengan ACCU (*Cerpen Asia Kini* Bk. 1–3, *Kampungku, Keluargaku, Asiaku, Hari Perayaan di Asia* Bk. 1 dan 2) dan Buku "Humorous Asia" yang masih dalam proses penerbitan).

Buku bergambar hasil CBKK yang menyertai Noma Concour 1980 di Tokyo telah memenangi hadiah ketiga. Sejak tahun 1982 apabila Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK) mewujudkan hadiah-hadiah buku terbaik, alhamdulillah buku CBKK selalu terpilih memenangi hadiah-hadiah tersebut. Tahun 1983 juga merupakan titik penentuan arah (turning point) bagi CBKK. Pada tahun inilah Cawangan Buku Remaja (CBR) ditubuhkan. Ini memperlihatkan satu perkembangan yang amat menggalakkan di BPU. Ini juga bererti para editor di CBKK diberi tanggungjawab yang khusus (pengkhususan tugas) iaitu dalam pengendalian buku kanak-kanak untuk kanak-kanak 12 tahun ke bawah.


#### Missi Cawangan Buku Kanak-Kanak

Walau apa pun anggapan orang tentang buku kanak-kanak dan penulis buku kanak-

kanak, begitu juga editor buku kanak-kanak yang biasanya tidak menjadi sanjungan dan pujaan ramai, tetapi menulis/mencipta buku untuk kanak-kanak adalah satu misi (yang murni) yang patut kita penuhi.

"Kanak-kanak membaca untuk mempelajari sesuatu (menimba ilmu) – walaupun mereka membaca cerita fantasi, cerita apa sahaja, puisi, komik, tulisan pada bungkusan makanan, mereka sentiasa memperkembang daya pemikiran mereka, menambah perbendaharaan kata, menemui sesuatu yang baru; semuanya adalah baru bagi mereka"

(Joan Aiken)



Matlamat dan tugas CBKK ialah untuk menyediakan buku bermutu yang menjadi alat untuk pengembangan intelektual kanak-kanak yang bakal menjadi para intelek yang akan datang. Kita mahukan buku kita menjadi "the book" – sama ada fiksyen atau bukan fiksyen, buku yang menjadi alat perkembangan bahasa Malaysia tulen; buku yang menjadi alat untuk menyemai dan merangsang kegemaran kanak-kanak untuk membaca, dan CBKK menjadi tenaga penggeraknya dalam kegiatan untuk menggalakkan mereka membaca. Kita mahu buku kita menjadi terkenal di peringkat antarabangsa dan diterjemahkan ke dalam bahasa-bahasa lain.

Semoga misi yang murni ini akan terus dijadikan teras CBKK dalam mencipta buku kanak-kanak dan semoga Cawangan ini (kini Unit Penerbitan Buku Kanak-kanak) berkembang maju dan berjaya dalam citacitanya.

Datin Hajah Hamsiah bt. Hj. Abd. Hamid  
Ketua Cawangan Buku Kanak-kanak

Atas: Sesi Bercerita (Minggu Kawanku Buku 1986)

Santak kiri: Minggu Kawanku Buku 1986

<b>Editor</b>	: Sdr. Norliyah bt. Jaafar Sdr. Arshad b. Rawian
<b>Pembantu Editor:</b>	Sdr. Noraini Abdullah Sdr. Mahani Che Ibrahim

# Ahli Jawatankuasa

## Ahli Jawatankuasa Induk Perayaan BPU Satu Dekad – Menghadapi Era Baru

Penaung	:	Datuk Hj. Hassan Ahmad
Penasihat	:	Sdr. Syed Omar Syed Ahmad
Pengerusi	:	Haji Saleh Daud
Setiausaha	:	Sdr. Zainab Kassim
Anggota	:	Sdr. Mohd Jajuli Abdul Rahman Sdr. Johan Jaaffar Sdr. Norliyah Jaafar Sdr. Padilah Haji Ali Sdr. Hamzah Isa Sdr. Hassan Majid Sdr. Shahnan Abdullah Sdr. Mohd Salim Jaafar

## Petugas

Sdr. Shamsuri Hj Sahlan  
Sdr. Wan Sakinah Wan Abraham  
Sdr. Basuki Sajadi  
Sdr. Khairil Anuar b. Ishak  
Sdr. Adnan Abdul Majid  
Sdr. Ahmad Fauzi Mohamed  
Sdr. Kamariah Yusof  
Sdr. Asiah Daud  
Sdr. Noraini Abdullah  
Sdr. Meor Kamarudin Meor Ismail  
Sdr. Mahani Ibrahim  
Sdr. Naim Ahmat  
Sdr. Radin Fathullah Radin Jawadi

# ATURCARA

0845	<b>Para Jemputan Mengambil Tempat</b>
0855	<b>Ketibaan Y. Bhg. Datuk Musa Mohamad</b>
0900	<b>Majlis Dimulakan</b>
0905	<b>Ucapan Aluan</b> Tuan Syed Omar Syed Ahmad Ketua Bahagian Penerbitan Am
0910	<b>Ucapan Sambutan</b> Datuk Hassan Ahmad Ketua Pengarah
0915	<b>Ucapan Perasmian</b> BPU Satu Dekad – Menghadapi Era Baru dan Dialog Penulis-Editor Y.Bhg. Datuk Musa Mohamad Pengerusi Lembaga Pengelola DBP
0925	<b>Penyampaian:</b> Hadiyah Penghargaan Penulis Buku Hadiyah Penghargaan Penulis Majalah Hadiyah Galakan Rekabentuk Buku Hadiyah Galakan Rekabentuk Majalah  Oleh Y.Bhg. Datuk Musa Mohamad
0940	<b>Penyampaian Cenderamata</b> Kepada Y.Bhg. Datuk Musa Mohamad
0945	<b>Doa Selamat</b> Oleh En. Rahman Rukaini
0950	<b>Jamuan Teh</b> Di Ruang Legar Tingkat Enam, DBP

*Juruacara: Ali Majod  
Fatini Yaakob*

- 1000 **Dialog Penulis-Editor**  
Mempertingkat Mutu Penulisan dan  
Penerbitan Buku  
*Pengerusi:* Sdr. Rahman Yusof  
Pembentangan Kertas Dasar  
Tuan Syed Omar Syed Ahmad  
*Panel:* Y. Amat Arif Tun Dato' Hj Mohd  
Salleh Abas  
Sdr. Arbak Othman  
Sdr. Sahlan Mohd Saman  
Tuan Haji Ismail Ahmad  
*Pencatat:* Sdr. Zahrah Ibrahim  
Sdr. Zakaria Abdullah
- 1225 **Penyampaian Cenderamata**  
Kepada Panel
- 1230 **Makan Tengah Hari**  
Di Ruang Legar Tingkat Enam, DBP
- 1400 **Dialog Penulis-Editor**  
Mempertingkat Mutu Penulisan dan Penerbitan  
Buku  
Peringkat Kanak-kanak/Remaja  
*Pengerusi:* Sdr. Ali Majod  
*Panel:* Sdr. Mohd Yusof Ismail  
Sdr. Othman Puteh  
Datin Hjh Hamsiah Hj Abd Hamid  
Sdr. Johan Jaaffar  
Haji Saleh Daud  
*Pencatat:* Sdr. Norimah Bajuri  
Sdr. Azmi Ibrahim
- 1630 **Penyampaian Cenderamata**  
Kepada Panel
- 1635 **Jamuan Teh**  
Di Ruang Legar Tingkat Enam, DBP

# Cawangan Majalah

## Dewan Masyarakat



### Daripada masyarakat untuk masyarakat

Majalah *Dewan Masyarakat* (DM) mula diterbitkan pada 25 September 1963, iaitu ketika pergolakan konfrontasi Malaysia-Indonesia memuncak. Ketika itu juga isu perpaduan nasional dan pendaulatan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara begitu hangat diperkatakan. Jadi, kelahiran DM memberi tempat kepada isu-isu berkenaan untuk diterbitkan sebagai hidangan masyarakat.

Kini, setelah berusia lebih 23 tahun, DM telah banyak merakamkan peristiwa-peristiwa penting yang berlaku baik di dalam maupun di luar negara, yang disoroti dengan sikap terbuka dan penuh analitikal oleh para penulisnya. Dalam tempoh tersebut, ia merupakan wadah pemikiran dan perbincangan dalam semua bidang; sentiasa merangsang daya pengucapan dan kreativiti masyarakat.

Selain itu adalah menjadi dasar penerbitan DM, tidak menyiaran perkara-perkara sensitif yang boleh menimbulkan ketegangan pihak-pihak tertentu; tidak membela-tuli menentang dasar-dasar dan keputusan kerajaan; membuat ulasan secara bertanggungjawab dan mengkritik sebarang penyelewengan. Ia juga tidak memihak atau memusuhi mana-mana parti, golongan atau tokoh politik tertentu dan tidak campur-tangan dalam hal ehwal negara asing, terutama yang boleh memalukan kerajaan atau pemimpin negara.

Menurut rencana pengarangnya dalam keluaran pertama, majalah ini lebih mengutamakan aspek kebudayaan, pelajaran, ekonomi dan masyarakat. Walaupun ia bukan berbentuk ilmiah, namun sebahagian besar kandungannya adalah berupa hurai-hurai, berdasarkan fakta dan keterangan yang benar.

Pada tahun-tahun awalnya, DM lebih merupakan sebuah majalah popular sesuai bagi memenuhi tuntutan dengan moto "Kebudayaan dan Pengetahuan". Kebanyakan rencana ditulis oleh sidang pengarangnya sendiri seperti Keris Mas (Pengarang), Usman Awang, Abu Yazid Abidin (Allahyarham), Abdul Wahab Muhammad dan Hassan Hj. Muhammad. Pada ketika itu, majalah ini ditempatkan di bawah Bahagian Pembinaan dan

Pengembangan Sastera. Tetapi pada bulan Jun 1975, DM dipindahkan menyertai bahagian baru, iaitu Bahagian Penerbitan Umum, memisahkannya daripada majalah-majalah berbentuk kreatif khususnya, *Dewan Sastera*.

Secara beransur-ansur, DM lebih banyak memuatkan rencana-rencana daripada penyumbang luar, terutamanya mereka dari menara gading, baik di dalam maupun di luar negeri. Tetapi yang menjadi mercu tanda bagi DM, ialah tulisan-tulisan M. Noor Azam yang mula disiarkan secara tetap sejak tahun 1969 dalam ruangan "Surat dari Jakarta" dan kemudiannya dalam ruangan "Perspektif".

*Dewan Masyarakat* mula berubah wajah apabila Noor Azam mengambil alih jawatan Pengarang, mulai tahun 1974, menggantikan tempat Keris Mas. Dalam surat pengarang keluaran pertamanya dalam tahun tersebut, terdapat kenyataan tentang harapan DM untuk menyiaran rencana-rencana yang dibuat secara pendekatan popular dan mudah difahami oleh pembaca. Apa yang diutamakan ialah

Abdul Jalil Abdul Rahman  
(Editor *Dewan Masyarakat*)



isu-isu semasa yang menarik perhatian umum. Sungguhpun begitu, rencana-rencana berat berbentuk esei dan yang mengemukakan hasil-hasil penyelidikan juga masih diterima.

Mulai tahun 1980, DM menumpukan fokus terhadap politik, sosio-ekonomi, perkembangan agama Islam, pendidikan dan juga soal bahasa serta sastera. Perubahan dan kepelbagaian rencana yang disiarkan jelas menunjukkan bahawa DM semakin matang; imej dan identitinya kian tertonjol sebagai sebuah majalah pengetahuan umum yang popular.

Kini, DM terpaksa bersaing dengan lebih 50 majalah berbahasa Melayu dalam pasaran. Ia masih dibaca oleh segenap lapisan masyarakat, dari kalangan profesional seperti pensyarah, doktor, pegawai-pegawai kerajaan lain dan guru, sehingga kepada golongan pelajar dan pekerja bukan profesional. Untuk menjamin mutu kandungannya, DM perlu bersikap "cerewet" dan teliti dalam menilai kesesuaian sesebuah rencana yang diterima. Sehubungan ini, masalah utama Sidang

Editor ialah mendapatkan rencana-rencana yang difikirkan mencapai mutu majalah ini.

Sebagai orang profesional, Sidang Editor akan terus berusaha mempertingkat mutu isi dan teknik pengeluaran, di samping cuba mengemukakan skop perbincangan yang lebih meluas dan mendalam. Salah satu cara untuk mencapai tujuan ini ialah dengan menerima segala nasihat dan teguran daripada para pembaca yang difikirkan jujur dan membina. Demi kebaikan bersama, kami Sidang Editor sentiasa mengamalkan sikap terbuka.

- Sidang Editor

*Editor*

Sdr. Abdul Jalil Abdul Rahman.

*Pembantu Editor*

Sdr. Nik Zainal Abidin Hassan

Sdr. Zaiton Nasir

Sdr. Azman Anuar

Sdr. Norizan Muslim

Sdr. Hendon Hashim (Pelatih dari ITM)

## Dewan Siswa: masa lalu, masa kini dan masa depan

*DEWAN SISWA* kini sedang melewati usia lapan tahun. Dalam meniti usia tersebut ia kian memperlihatkan kemantapan dan identitinya yang tersendiri sebagai "Wadah Pelajar Menengah dan Remaja". Sejak kelahirannya pada 1 Januari 1979, *Dewan Siswa* diharapkan menjadi jambatan di antara majalah *Dewan Pelajar* dan majalah *Dewan Masyarakat* yang terdapat lowongan sebelumnya.

Sebagai pengisi lowongan tersebut *Dewan Siswa* meletakkan landasan matlamatnya untuk:

- Menanam minat dan apresiasi terhadap sastera;
- Memupuk sikap rasional, kritis, progresif, rasa kemanusiaan, perpaduan dan cintakan negara sesuai dengan Rukunegara;
- Menanam minat membaca dan menulis di kalangan pelajar-pelajar, dalam bentuk kreatif dan non-kreatif;
- Menyebarluaskan pelbagai ilmu pengetahuan secara popular;
- Menambahkan bahan-bahan bacaan untuk pelajar-pelajar (siswa) sekolah menengah dan para remaja.



Sidang Editor Dewan Masyarakat

Di samping itu, ia tetap selari dengan beberapa matlamat besar Dewan Bahasa dan Pustaka (Ordinan DBP 1959, dengan pindaan dalam tahun 1972), iaitu:

- (1) Memaju dan memperkayakan bahasa kebangsaan;
- (2) Memaju bakat kesusastraan terutama dalam bahasa kebangsaan.

Dewan Siswa dalam nafas awalnya dipimpin oleh Haji Ismail Ahmad (Ajikik) dengan dibantu oleh Jaafar Abdul Rahim, Mohamad Bahadon dan Kamariah Yusof. Kemudian Zainab Hanim Kassim pula menyertainya sebagai Timbalan Editor. Ketika itu Dewan Siswa mula memperlihatkan dirinya sebagai majalah kreatif dan ilmu pengetahuan untuk para pelajar.

Apabila kemudiannya (awal tahun 1982) Sulaiman Masri mengambil alih teraju kepemimpinannya, dengan dibantu oleh Nik Zainal Abidin Hassan, Fatini Yaacob dan Abdul Aziz Mahmuddin,

penekanannya nampaknya lebih kepada aspek kesan grafik. Satu hal yang agak jelas ketika itu ialah ia kian memberi ruang kepada penampungan tulisan-tulisan dan aktiviti-aktiviti pelajar sendiri.

Apabila Johan Jaaffar mengambil alih teraju kepemimpinannya sebagai editor pada awal tahun 1983, dengan saya sendiri ikut membantu, Dewan Siswa mula menonjolkan sifatnya sebagai majalah penampungan karya kreatif oleh pelajar dan remaja, di samping terus menyajikan bahan-bahan tulisan bersifat bimbingan dan ilmu pengetahuan.

Lebih daripada itu, ia mula memberi penghargaan yang lebih terhadap bidang kesusastraan remaja. Ini terbukti dengan adanya ruangan khusus "Cerpen untuk Siswa" (temanya tentang dunia remaja) yang ditulis oleh penulis dewasa dan "Cerpen dari Siswa" (temanya bebas) yang ditulis oleh pelajar dan remaja sendiri. Ia memberikan dua halaman khusus untuk penyiaran sajak-sajak oleh pelajar dan remaja. Cerpen-cerpen dan sajak-sajak remaja yang tersiar diulas oleh dua orang sasterawan/penulis terkenal. Ini berupa bantuan yang cukup bermakna terhadap pertumbuhan dan perkembangan kesusastraan dan bidang penulisan remaja.

Usaha-usaha ini terus dimantapkan lagi sekarang; dan ditingkatkan lagi penekanannya terhadap aspek panduan/bimbingan psikologi dan kesihatan. Bagaimanapun, dengan penekanan yang begitu serius terhadap karya-karya oleh pelajar dan remaja sendiri, maka kini kita sudah dapat mengenalpasti penulis-penulis muda yang berbakat dan berpotensi.

Inilah satu hal yang amat membanggakan kami. Dewan Bahasa dan Pustaka pun tentunya boleh berbangga dengan hakikat ini. Kalau sebelum tiga tahun terakhir ini karya-karya remaja ditulis oleh penulis/sasterawan dewasa yang sudah established dan memperlihatkan kesediaan penglibatan mereka dalam dunia kesusastraan remaja, maka kini penulis-penulis remaja sendiri mula memperlihatkan kesediaan dan keupayaan mengungkap dan berbicara tentang dunia mereka sendiri.

Lihat sahaja antologi cerpen *Biarkan Aku Sendiri* dan *Impian Murni* atau antologi sajak *Bunga Pelangi*. Semua cerpen dan sajak di dalam antologi-antologi ini dihasilkan oleh para pelajar dan remaja sendiri. Lalu Cawangan Remaja pula memulakan inisiatif mengadakan projek 'Minggu Belia' pada bulan September 1985 lalu, juga disertai oleh para pelajar dan remaja yang berbakat dalam bidang penulisan kreatif. Segala ini bertolak daripada usaha-usaha Dewan Siswa menimbul dan mengasah bakat-bakat baru ini. Mereka ini bolehlah diharap menjadi barisan pelapis untuk pertumbuhan, perkembangan dan kemajuan kesusastraan tanahair pada masa akan datang.

Tanpa mengabaikan fungsi Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai institusi pengembang dan pemaju bahasa Melayu, Dewan Siswa juga ikut menyumbangkan dua ruangan tentang bahasa Melayu. Ruangan-ruangan "Liku-liku Bahasa" dan "Bahasa Ibunda" selama dua tiga tahun ini di dalam Dewan Siswa banyak memberikan panduan dan bimbingan secara langsung dalam proses pemantapan dan pengayaan bahasa Malaysia di kalangan para pelajar dan remaja.





Di samping itu, *Dewan Siswa* memberi sumbangan yang tidak kecil dalam pertumbuhan dan bimbingan moral di kalangan generasi pelajar dan remaja. Ruangan-ruangan "Ke Arah Keimanan", "Alam Remaja" dan "Kaunseling" banyak memandu pelajar dan remaja ke arah kehidupan berhemah baik dan murni.

Pelajar dan remaja juga diajak merenung dan berfikir terhadap sesuatu isu yang khusus tentang keperluan dan kehidupan mereka. Menerusi ruangan "Malaysia Kita" kami mengundang para pelajar dan remaja mengikuti dan mendalami sesuatu isu yang menyentuh kepentingan mereka.


Di samping itu, mereka juga diajak mengetahui dan menganalisa sesuatu yang berlaku di luar bumi Malaysia menerusi ruangan-ruangan "Berita dan Peristiwa" dan "Suasana Antarabangsa".

Sains dan teknologi juga penting dan kini nampaknya sudah menjadi sebahagian daripada budaya kehidupan masyarakat moden. Justeru itu pembaca pelajar dan remaja didedahkan kepada budaya moden ini menerusi ruangan-ruangan "Misteri Dalam Sains", "Ensiklopedia" dan "Teknologi Baru".

Demikianlah sepantas lalu apa yang kami sumbangkan untuk pelajar dan remaja Malaysia menerusi *Dewan Siswa*. Justeru itu penerbitan *Dewan Siswa* tidak seharusnya dipandang enteng dalam usaha pembinaan, pengembangan dan kemajuan bahasa Melayu dan sastera tanahair. Ia juga cukup bermakna dalam memberi panduan dan bimbingan moral dan juga penyebaran ilmu pengetahuan.

Atas: Abdul Ahmad  
(Editor *Dewan Siswa*)

Bawah: Sidang Editor *Dewan Siswa*



Satu hal yang amat amat membanggakan ialah penglibatan dan sumbangan para penulis/sasterawan terkenal dan pakar dalam bidang-bidang tertentu. Antara mereka itu termasuklah Adibah Amin, Khadijah Hashim, Othman Puteh, Prof. Madya Drs. Ramli Isin, Ali Majod, Sahlan Mohd. Saman, Kemala, Ahmad Razali, Datuk Ustaz Abu Hassan Din Al-Hafiz, Dr. Karim Hj. Tajuddin, Awang Sariyan dan Dr. Rohaty Majzub.

Penglibatan dan sumbangan oleh penulis/sasterawan dan pakar-pakar ini bukan sekadar banyak memberi ganjaran kepada pembaca pelajar dan remaja untuk menimba ilmu, malah cukup bererti dalam usaha pembinaan imej *Dewan Siswa* sebagai majalah yang dihormati.

Akhir sekali, kami berharap dan bercita-cita menjadikan *Dewan Siswa* majalah yang unggul di kalangan generasi pelajar dan remaja. Kami akan berbangga apabila *Dewan Siswa* mencapai jumlah jualan yang berlipat ganda daripada sekarang. Kami mendambakan *Dewan Siswa* menjadi 'majalah dalam kelas'; majalah dalam masyarakat pelajar dan remaja; majalah yang digunakan oleh para ibu bapa dan guru untuk membantu pertumbuhan, perkembangan dan kemajuan generasi baru Malaysia.

Moga-moga. Insya-Allah.

**Abdul Ahmad**  
Editor *Dewan Siswa*

**Pembantu Editor :**

Sdr. Fatini Yaakob  
Sdr. Zahidan Abdul Aziz

## Dewan Pelajar

### Bakti kami pada si kecil

PADA 1 Januari 1967, terbitlah sebuah majalah untuk kanak-kanak dalam bahasa Malaysia yang ulung di tanahair: *Dewan Pelajar*. Kelahirannya adalah sahutan untuk mengisi kekurangan bahan bacaan yang sihat terutama bahan bacaan tambahan (ringan) di samping buku teks. Pengasas *Dewan Pelajar*, Allahuarham Tuan Syed Nasir Ismail, berkata:

"Saya telah lama memikirkan untuk menerbitkan sebuah majalah untuk pelajar-pelajar kita dengan harga yang serendah-rendah mungkin, tetapi tidak pula kurang nilainya, baik dalam isi maupun dalam soal teknik penyelenggaraannya. Kini *Dewan Pelajar* dapat dijadikan alat atau medium untuk mengadakan hubungan terus-menerus dengan para pelajar. Dengan adanya alat ini maka sebuah sistem atau rencana pendidikan yang agak lengkap sifatnya dapat dicapai. Hubungan melalui buku adalah hubungan yang tersekut pada suatu subjek atau perkara sahaja."

Dengan kesedaran ini, *Dewan Pelajar* lahir dengan mendukung matlamat menyampaikan penerangan dan pengetahuan dan juga sebagai pembimbing serta pendidik rohaniah. Pada mula majalah ini diterbitkan, sasaran pembaca ialah pelajar-pelajar di peringkat umur sembilan hingga enam belas tahun. Sejak *Dewan Siswa* mula diterbitkan, *Dewan Pelajar* menurunkan umur pengkhususan kepada tujuh hingga dua belas tahun sahaja.

Sejak mula diterbitkan hingga kini, sembilan belas tahun kemudian, *Dewan Pelajar* mengalami pelbagai perubahan dan pengubahsuaian di Dewan Bahasa dan Pustaka. Pada mulanya, *Dewan Pelajar* terletak di bawah Bahagian Pengarang dengan barisan sidang pengarang atau editornya yang terdiri daripada Sdr. Kamaluddin Muhammad selaku Ketua Pengarang, Allahuarham M. Balfas sebagai Pengarang dan diperbantu oleh Sdr. Hamsiah Abd. Hamid (kini Ketua Cawangan Buku Kanak-kanak) dan Sdr. Saleh Daud (kini Timbalan Ketua Bahagian Penerbitan Am). Kemudian *Dewan Pelajar* terletak di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera (Cawangan Umum), dan seterusnya di Bahagian Penerbitan Umum (selama 10 tahun). Kini *Dewan Pelajar* ditempatkan pula di Bahagian Majalah.

Bagi menjamin mutu penerbitan, sidang editor majalah ini diberi tanggungjawab untuk memastikan bahawa bentuk dan kandungannya dapat membimbang serta menjadi sumber ilham kepada kanak-kanak melalui prinsip atau tema kegiatan dan kegemaran. Sebagai memantapkan lagi tujuan mempelbagaikan kegiatan dan kegemaran pembaca, dari tahun 1983, *Dewan Pelajar* bukan setakat memuatkan artikel yang memberi perangsang kepada pembaca untuk berfikir dan menyatakan dirinya sendiri, malah mengambil bahagian dengan lebih aktif dengan tertubuhnya Kelab Setem. Kegiatan Kelab ini ialah memberi panduan dan perkhidmatan pertukaran setem bagi menggalakkan pembaca menjadikan kegiatan mengumpul setem sebagai pengisi masa lapang yang bermanfaat.

Selain itu, *Dewan Pelajar*, juga dari tahun 1983 mula menggalakkan pembaca peka dengan kehidupan kanak-kanak luar negeri melalui ruangan *Letters from Abroad*. Keperluan kanak-kanak dijadikan tumpuan utama majalah ini.

Sebagai satu langkah untuk merapatkan lagi majalah sebagai satu media hubungan yang secara berterusan dan mesra dengan kanak-kanak, pada tahun 1984, watak Si Nuri diwujudkan sebagai simbol watak kanak-kanak. Si Nuri juga difikirkan sebagai 'mascot' *Dewan Pelajar*. Dari watak Si Nuri didapati komunikasi dua hala melalui majalah di antara sidang editor dan para penulis, dengan kanak-kanak lebih berkesan.

Kini 19 tahun sudah usia *Dewan Pelajar*. Selama 10 tahun atau separuh usianya di bawah Bahagian Penerbitan Umum, *Dewan Pelajar* mantap di hati kanak-kanak sebagai





Kiri: Rubaidin Siwar  
(Editor *Dewan Pelajar*)

Bawah: Sidang Editor *Dewan Pelajar*

majalah yang tinggi mutu dan baik persembahannya. Dari harganya 40 sen sejak mula diterbitkan, disebabkan peningkatan persembahan, dari dua warna kini empat warna, *Dewan Pelajar*, semenjak 1985 kini dijual dengan harga \$1.00. Penambahan harga yang demikian dalam jangka masa 19 tahun tidak dapat dielakkan dengan meningkatnya pelbagai kos yang melibatkan harga bahan dan teknik persembahan dan percetakan yang lebih maju.

Sidang Editor senantiasa tidak melupakan barisan penyumbang yang terdiri daripada para penulis dan pelukis. Mereka sesungguhnya mempunyai kasih murni yang mendalam kepada kanak-kanak, yang mendukung matlamat menghibur dan membimbang kanak-kanak dengan bahan-bahan bacaan yang baik sama ada yang berbentuk pengetahuan, hiburan atau kegiatan.


Dalam usianya 19 tahun, *Dewan Pelajar* kini hampir meningkat dewasa. Dari semasa ke semasa, terlihat pelbagai perubahan dilakukan. Perubahan ini semata-mata bertujuan untuk memperbaiki mutu dan persembahannya, begitu juga untuk mengenalpasti bidang-bidang lain yang belum diterokai, akan tetapi difikirkan tetap diminati kanak-kanak. Yang jelas, sejak majalah ini mula diterbitkan hingga kini, keutuhannya tidak berubah. *Dewan Pelajar* tetap akan menjadi wadah yang terbaik bagi menampung keperluan kanak-kanak bagi memenuhi kegemaran dan kegiatan mereka!

*Sidang Editor*

*Editor*  
Sdr. Rubaidin Siwar  
*Pembantu Editor*  
Sdr. Adnan Abdul Majid  
Sdr. Zaiton Abu Samah



# Era Baru



# Cawangan Ensiklopedia

## Lima Tahun Dari Sekarang....

Bayangkan sebuah kompendium berjilid mengandungi pengetahuan pelbagai bidang yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia.

Ensiklopedia Malaysiana!

Tahunnya 1991

Projek ini merupakan projek penerbitan yang terbesar dari segi tenaga dan belanja bagi DBP dan negara ini. Ia akan melibatkan tenaga pakar yang cukup banyak dalam pelbagai disiplin ilmu dan melibatkan secara besar-besaran tenaga akademik, editor dan pelaksana penerbitan yang belum pernah berlaku sebelum ini.

Garis kasar skop dan sejarah ensiklopedia mencerminkan perkembangan tradisi dan pencapaian ilmu sesuatu bangsa. Sudah sampai masanya Malaysia mempunyai sebuah ensiklopedia yang besar dan dapat dibanggakan. Kelahiran ensiklopedia ini akan memberi makna pada usaha memajukan dan memperkaya bahasa kebangsaan seperti termaktub dalam Ordinan DBP 1959.

Ensiklopedia ini juga dapat menyahut ledakan pengetahuan yang mencabar dengan cara mendedahkan pembaca kepada khazanah pengetahuan yang luas dan mendalam. Ia juga diharapkan dapat merealisasikan matlamat Dasar Kebudayaan Kebangsaan dalam erti membuka luas tradisi rakyat Malaysia yang telah dikaji atau diamalkan untuk difahami dan dihayati. Ensiklopedia ini juga diharapkan dapat meletakkan bahasa Malaysia di kaca mata antarabangsa sebagai bangsa yang punya tradisi ilmu yang tinggi, bermaruah dan dihormati.

Demikian impian kita semua!

Tinggi gunung, tinggi lagi harapan.  
Tahun 1986 merupakan tahun yang

penting bagi menyediakan asas untuk projek yang besar ini. Buat masa ini hanya dua orang petugas yang memula langkah meneliti hampir kesemua format dan kandungan ensiklopedia yang besar terdapat di pasaran, mengadakan siri pertemuan dengan pakar-pakar di dalam pelbagai bidang, mengadakan siri lampas otak bagi menjelaskan idea dan konsep penerbitannya, menyediakan bibliografi Malaysiana yang lengkap untuk dijadikan asas dan bahan rujukan serta mengenalpasti bahan, juga memperjelas ruang lingkup bidang dan bahan itu.

Apakah yang diharapkan daripada Ensiklopedia Malaysiana? Jawapannya "Apa saja yang perlu diketahui tentang Malaysia".

Secara ringkas Ensiklopedia Malaysiana menggariskan sejarah dan tamadun Malaysia secara menyeluruh yang mendalam dengan penekanan kepada kekayaan tradisi dan keunikian masyarakatnya dari kaca mata tempatan. Ia tidak hanya bertolak daripada 'hard facts' yang sedia ada, memberi liputan dan rumusan yang saksama dan kemas kini terhadap bidang-bidang berkenaan tetapi memberi

pemahaman dan kejelasan dengan bantuan indeks serta bibliografi, ilustrasi, statistik dan lain-lain.


Bidang-bidang ini telah dikenalpasti:

1. Alam semula jadi
2. Teknologi dan perkembangan industri
3. Manusia dan gaya hidup
4. Tamadun bangsa
5. Sistem nilai dan pemikiran
6. Kemajuan asas dan infrastruktur
7. Tradisi pengucapan dan seni kreatif
8. Kepercayaan
9. Sistem politik dan perundangan
10. Cabang-cabang ilmu

Tunggulah kelahirannya, 10 jilid ensiklopedia umum yang pertama seumpamanya di negeri ini, pada tahun 1991.

— Sdr. Johan Jaaffar  
Ketua Projek Ensiklopedia Malaysiana

Editor : Sdr. Zakaria Abdullah



Perbincangan antara  
Johan Jaaffar dan  
Zakaria Abdullah

# Cawangan Penerbitan Bahasa

## Latar Belakang Cawangan Penerbitan Bahasa

Pada awalnya Cawangan Penerbitan Bahasa (CPB) sebumbung dengan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Bahasa tetapi pada November 1981 Cawangan ini telah dipindahkan ke Bahagian Buku Pelajaran. Sewaktu berada di Bahagian Buku Pelajaran Cawangan ini bukan sahaja menerbitkan buku-buku bahasa dan linguistik serta istilah tetapi juga menerbitkan buku-buku komunikasi dan pendidikan. Pada 1 Mac 1986 CPB telah dipindahkan ke Bahagian Penerbitan Am dengan rasminya tetapi dari segi fizikal hanya pada 17 April baru Cawangan ini berpindah. Cawangan ini terdiri daripada seorang ketua, 2 orang editor dan 4 orang pembantu editor.

## Matlamat Cawangan

Selaras dengan matlamat Dewan Bahasa dan Pustaka, untuk memajukan dan memperkayakan bahasa kebangsaan, Cawangan ini dipertanggungjawabkan secara langsung untuk membudayakan dan memasyarakatkan bahasa Malaysia melalui berbagai-bagi jenis penerbitan, supaya bahasa itu dapat diterima oleh masyarakat pengguna sebagai satu alat yang mencerminkan budaya yang tinggi. Melalui penerbitan bahasa imej Dewan Bahasa dan Pustaka sebagai agensi bahasa kebangsaan dan penerbitan ilmiah dapat diperkuatkan kerana buku-buku bahasa adalah sebagai salah satu faktor pembangunan sosial, pendidikan, intelektual dan kehidupan budaya tinggi. Buku-buku bahasa seperti



Hajah Hafsa Hj. Arshad  
Ketua Cawangan Penerbitan Bahasa

dalam berbagai-bagi bidang ilmu linguistik, buku istilah dan sebagainya diterbitkan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan kepentingan nasional dan bukan semata-mata untuk mencari keuntungan.

Buku-buku bahasa juga diterbitkan untuk kepentingan pembinaan bahasa dari segi korpus dan bahan. Bahan bahasa yang dimaksudkan termasuklah istilah, ejaan, tatabahasa, buku panduan dan sebagainya.

Melalui penerbitan buku-buku bahasa, maka bahasa kebangsaan dapat diperkembangkan dan diperkayakan sehingga menjadi alat komunikasi yang luas, dan dapat pula memainkan peranannya sebagai alat yang penting dalam proses pengembangsaan masyarakat di negara ini.

## Bidang Penerbitan Bahasa

Penerbitan buku-buku bahasa ini dapat kita tumpukan kepada empat golongan pembaca yang besar iaitu:

- i. golongan ilmiah atau akademik (universiti dan maktab).
- ii. golongan pelajar (bukan buku teks).
- iii. golongan profesional.
- iv. golongan masyarakat umum.

Jenis-jenis penerbitan itu boleh kita kelompokkan kepada:

- i. Buku-buku bahasa yang bersifat rujukan/pegangan/pedoman seperti tatabahasa, kamus, pedoman bahasa, pedoman ejaan, pedoman pembentukan istilah dan sebagainya.
- ii. Buku-buku yang dalam siri *Pengukuh Bahasa*.
- iii. Hasil penyelidikan dalam semua bidang linguistik seperti fonologi, fonetik, fonemik, morfologi, sintaksis, semantik, stilistik, tatabahasa, perbandingan bahasa, sejarah perkembangan bahasa, perancangan bahasa, sosiolinguistik, psikolinguistik, neurolinguistik, kajian dialek dan sebagainya.
- iv. Hasil kertas kerja dalam persidangan/seminar/bengkel/diskusi/kursus/beramah dan sebagainya.
- v. Bahan pengajaran seperti nota kuliah yang telah diselaraskan sebelum diterbitkan.
- vi. Teks asas untuk pengajaran tinggi dalam berbagai-bagi bidang.

## Visi Masa Depan

Untuk rancangan masa depan (CPB) akan menumpukan kepada projek-projek *Pengukuhan Bahasa* dan *Pemantapan Penggunaan Bahasa Malaysia* seperti projek-projek berikut:

- i. Tatabahasa pegangan untuk guru.
- ii. Tatabahasa pegangan untuk editor.
- iii. Tatabahasa pegangan untuk penulis.
- iv. Konsep Asas Tatabahasa.
- v. Betulkan Bahasa Anda.
- vi. Kata dan Ungkapan yang Kerap disalahgunakan.
- vii. Panduan Menggunakan Tanda Baca.
- viii. Kemaskan Bahasa Anda.
- ix. Panduan Menggunakan Penambahan.
- x. Bahasa Untuk Ahli Profesional.
- xi. Bahasa Untuk Pedagang.
- xii. Pengajaran Bahasa yang Moden.
- xiii. Panduan Menulis dengan Jelas.
- xiv. Bahasa yang Komunikatif.
- xv. Bahasa Melayu untuk Pentadbir.
- xvi. Sumbangan Bahasa Asing dalam Pemodenan Bahasa Melayu (Arab, Belanda, China, Inggeris, Indonesia, Jepun, Tamil, Latin, Portugis dll).

Dan projek-projek lain seumpamanya.

Di samping itu CPB juga akan mengusahakan projek-projek bahasa/linguistik dalam bidang khusus yang masih berkurangan bilangannya dalam pasaran seperti bidang Psikolinguistik, Neurolinguistik, Semantik bahasa Melayu, Linguistik Terapan dan sebagainya.

Dengan berpindahnya CPB ke Bahagian Penerbitan Am ini, insya Allah Cawangan ini akan dapat mencapai matlamat yang diidam-idamkan.

Sekian.

—Hajah Hafsa Hj. Arshad  
Ketua Cawangan Penerbitan Bahasa

### *Editor*

: Sdr. Sa'dah bt. Abdullah  
Sdr. Wan Sakinah Wan  
Abraham

### *Pembantu Editor*

: Sdr. Nor Jannah bt Adam  
Sdr. Daud b. Hamid  
Sdr. Azmi b. Ibrahim  
Sdr. Sharifah Fadzillah  
Syed Yahya



# Cawangan Penerbitan Sastera

Penerbitan sastera hampir sama tua dengan Dewan Bahasa dan Pustaka. Apabila *Anak Raja dan Anak Papa* diterbitkan pada tahun 1958 bermulalah sejarah penerbitan sastera di DBP. Pada waktu itu belum ada satu bahagian khusus yang mengendalikan penerbitan sastera. Hanya dengan tertubuhnya Bahagian Perkembangan Sastera pada tahun 1971 barulah diwujudkan satu cawangan khusus yang menguruskan penerbitan buku-buku sastera.

Antara lain matlamat cawangan ini ialah:


- Meningkatkan perkembangan sastera dalam bentuk buku dan menambah bahan bacaan dalam bahasa Kebangsaan.
- Menggalakkan pertumbuhan bakat-bakat baru melalui penampungan karya-karya kreatif dan bukan kreatif.
- Menerbitkan hasil-hasil penyelidikan atau karya kreatif yang dihasilkan oleh penyelidik dan penulis tempatan.

Sehingga kini Cawangan Penerbitan Sastera telah menerbitkan hampir 400 judul buku iaitu novel, drama, antologi cerpen, antologi puisi, kajian sastera, kumpulan kertas kerja seminar dan simposium dan sastera Melayu klasik.

Sejak ditubuhkan Cawangan Penerbitan Sastera bekerja rapat dengan Cawangan Kajian dan Cawangan Kegiatan di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera. Cawangan Kajian menjalankan penyelidikan sastera lama dan baru dan menghantar hasil penyelidikan mereka itu kepada Cawangan Penerbitan untuk diterbitkan. Cawangan Kegiatan pula bekerjasama dari segi mengadakan pelancaran dan diskusi buku. Selain itu cawangan tersebut juga mengadakan bengkel penulisan untuk bakat-bakat baru dan menyalurkan mana-mana karya yang berpotensi ke Cawangan Penerbitan untuk dipertimbangkan penerbitannya.

Pada 1 Mac yang lalu sesuai dengan rancangan penyusunan semula Dewan Bahasa dan Pustaka, Cawangan Penerbitan Sastera dipisahkan daripada Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera dan bersama-sama dengan cawangan-cawangan penerbitan yang lain ditempatkan di bawah satu bahagian baru yang dikenali sebagai Bahagian Penerbitan Am.

Walaupun ditempatkan di bahagian yang baru matlamat asal Cawangan Sastera tetap tidak berubah. Yang berubah hanyalah sikap dan tekanan terhadap tugas kami. Untuk waktu terdekat kami bercadang memberi lebih banyak perhatian kepada bakat-bakat baru, penulis-penulis bukan Melayu dan usaha-usaha mempelbagaikan kesusasteraan kita. Sehubungan dengan ini kami ingin menyaksikan lebih banyak eksperimen dilakukan dan para penulis digalakkan meneroka daerah-daerah baru seperti *non-fiction fiction*, *personal essay* dan cereka sains yang selama ini hampir tiada atau tidak pernah diterokai oleh penulis-penulis kita. Dalam bidang bukan cereka pula kami akan lebih menitikberatkan buku-buku teori kesusasteraan, terutama teori-teori kesusasteraan yang terbaru.




Kiri: Rahman Yusof  
Ketua Cawangan Penerbitan Sastera



Bawah: Kakitangan Cawangan  
Penerbitan Sastera

# Coretan Rasa



Sepuluh tahun yang lalu, BPU dimulakan dengan serba kekurangan. Kurang peruntukan wang, kurang tenaga kerja, kurang kemampuan ilmu, pengalaman dan keterampilan. Yang jelas ada pada waktu itu: keazaman dan keberanian. Keazaman dan keberanian ini wujud kerana saya dan kawan-kawan seperti Usman Awang, Bah Zain dan Saleh Daud yakin, masyarakat kita memerlukan bahan bacaan umum yang bermutu dan berbagai-bagai bentuk, isi dan rupa.

Orang-orang di luar BPU pun ramai yang berpendapat sama. Tetapi keinginan ini tinggal menjadi impian saja. Penerbitan buku-buku umum tidak akan menguntungkan, malah pasti akan membawa kerugian.

Akan tetapi kami beruntung, kerana keyakinan dan keazaman kami ini mendapat sokongan kuat daripada Dato' Haji Sujak Rahiman, Ketua Pengarah Dewan (KPD) waktu itu. Tanpa banyak bicara saranan kami diterima. Dan dengan serta merta saya diberi tugas menubuhkan BPU ini.

Sikap KPD ini amat memberangsangkan dan kami pun mula bekerja berbekalkan keazaman, keberanian dan restu KPD yang tak banyak tahu tentang sastera dan penerbitan tetapi komited dengan cita-cita Dewan.

Dalam masa sepuluh tahun ini banyak benar pengalaman suka duka, cabaran, dan ganjaran yang kami terima. Pada waktu kami terpaksa berhadapan dengan anggota Lembaga Pengelola dan Pentadbiran yang kolot dan fanatik tak menentu. Ada anggota Lembaga Pengelola yang ingin menjadi editor dan tidak percaya kepada keazaman

dan keberanian kami. Sebab itu, dalam beberapa hal, kami juga terpaksa bertindak dan menjalankan fungsi sebagai anggota Lembaga Pengelola Dewan.

Dalam masa tujuh tahun memimpin Bahagian ini, saya mencuba apa yang terdaya termasuk meneroka bidang-bidang penerbitan yang masih baru bagi buku-buku Melayu. Saya memberikan banyak masa untuk cuba membentuk tenaga kerja yang berani dan sentiasa suka pada kerja. Bagi saya menjadi penulis dan editor bukanlah kerja pejabat dari jam 8.00 pagi hingga 4.15 petang. Penulis dan editor adalah kerja 24 jam. Sebab itu jika kita tidak suka kepada pekerjaan ini kita tidak mungkin akan menjadi penulis dan editor yang berjaya, puas dan bahagia.


Alhamdulillah, BPU bukan sahaja terus maju dan berkembang, bahkan cita-cita untuk meletakkan semua penerbitan umum di bawah satu Bahagian atau Jabatan Sidang Pengarang sudah pun terlaksana. Maka kena benarlah sepuluh tahun BPU ini diadakan.

Harapan saya saudara-saudara di BPU khususnya akan terus mengukuhkan keazaman dan keberanian, kerana inilah modal awal yang mewujudkan dan menghidupkan BPU. Tanpa keazaman dan keberanian cita-cita dan harapan akan tinggal menjadi impian.

Semoga Allah memberikan kita kekuatan bekerja untuk Allah, bangsa dan tanahair tercinta.

— M. Noor Azam

## Coretan Rasa



Saya sentiasa menganggap diri saya sebagai Orang Bangunan Lama – tahap ketiga selepas Bukit Timbalan dan Jalan Young – yang sudah hampir ‘pupus’ jumlahnya sekarang. Saya masuk bekerja di Dewan pada tahun 1963 sebagai Penyunting, di Bahagian Pengarang, pejabatnya di tingkat 5 inilah.

Banyak pengalaman pahit manis yang saya alami bertugas di bawah empat orang pengarah (sekarang ketua pengarah) yang masing-masing mempunyai stall kerja yang berbeza-beza untuk mencapai cita-cita yang satu: pendaulatan bahasa Melayu!

Pelbagai peristiwa selama ‘Bulan Bahasa’ cukup menyeronokkan. Pertandingan di peringkat kebangsaan menyebabkan kami bekerja keras, kadang-kadang hingga menjelang pagi. Siang esoknya bekerja seperti biasa. Tidak ada cuti ganti dan tidak ada bayaran kerja lebih masa. Hanya selesai ‘Bulan Bahasa’ ada jamuan makan malam terima kasih pengarah. Di situ lah kami dibebaskan berjoget lambak. Hampir semuanya mabuk oren menari! Tahun 1971 – Bahagian Pengarang melahirkan Bahagian Perkembangan Sastera diikuti kemudiannya Bahagian Penerbitan Umum tahun 1975. Saya ikut bersama-sama perkembangan itu. Di BPU tugas dan tanggungjawab semakin banyak dan berat; menjadi Ketua Cawangan Kanak-kanak sekaligus menjadi Editor *Dewan Pelajar* (DP) iaitu majalah yang saya asaskan bersama M. Balfas (Allahyarham) dan Hamsiah Hamid. Pada tahun 1983 saya berasa cukup berat hendak melepaskan DP kepada editor lain. Maklumlah, kerana, setakat ini saya merupakan editor DP yang paling lama.

Suatu hal yang cukup menyeronokkan saya sehingga sanggup bertahan begitu lama di Dewan ialah bantuan dan kerjasama yang cukup erat saya terima daripada setiap peringkat pekerja, di dalam dan di luar BPU. Mereka semuanya amat saya hormati. Dalam menjalankan tugas sehari-hari, saya berusaha sedapat mungkin menyemai dan menumbuh-suburkan rasa sayang terhadap keluarga dan kerja di kalangan rakan sejawat lainnya, yang kebanyakannya masih muda dan masih berada di kaki gunung. Saya cukup yakin bahawa sifat bersih diri dan bersih hati cukup penting dalam tugas kita mencari rezeki di bumi Allah ini. Moto hidup saya kira-kira berbunyi: Sayang Keluarga Sayang Kerja.

Haji Saleh Daud

# Coretan Rasa

Selama 22 tahun 4 bulan saya telah berada di Dewan Bahasa dan Pustaka ini. Ketika mula-mula menjak kaki di DBP pada 1 Mac 1963, saya berasa amat bertuah kerana menjadi salah seorang calon yang telah terpilih untuk menganggotai organisasi ini, sebagai seorang pembantu penyelidik di Bahagian Penyelidikan.

Antara peristiwa yang menarik ketika itu ialah upacara menyambut 'Bulan Bahasa'. Urusetianya di peringkat kebangsaan ialah kakitangan Bahagian Penyelidikan. Boleh dikatakan hampir setiap malam selama sebulan kami terpaksa datang membantu dalam pelbagai urusan. Walaupun penat tetapi seronok, dan ketika itu tiada cuti gantian walaupun telah bertugas lebih daripada 20 jam! Anehnya tiada rungutan. Semangat orang Melayu, khasnya pekerja-pekerja DBP ketika itu berkobar-kobar – semuanya mengarah ke satu tujuan iaitu mendaulatkan bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan.

Selalu sajalah kami diundang untuk menjadi pengadil peraduan syarahan, bahas, berpantun dan sebagainya di peringkat daerah dan negeri. Di peringkat kebangsaan, upacaranya diadakan di Balai Budaya, kami membantu dengan cara lain pula.

Apabila Para 152 Akta Bahasa Kebangsaan tercabar, saya ikut sama menunjuk perasaan di kediaman Y.A.B. Tunku Abdul Rahman dan di Balai Budaya sehingga dimarahi suami (anggota tentera). Pada masa itu sering terdapat nota-nota atau apa-apa tulisan dalam bahasa Inggeris dipangkah dengan cat merah. Inilah kerja beberapa orang anggota Barisan Bertindak Bahasa Kebangsaan yang semangatnya berkobar-kobar tetapi tidak dapat berbuat apa-apa untuk mempercepatkan pelaksanaan Bahasa Kebangsaan.

Setelah itu saya 'dipinjamkan' ke Bahagian Pengarang untuk membantu mengendalikan penerbitan *Dewan Pelajar* (DP), satu-satunya majalah kanak-kanak ketika itu. Ketika itulah saya berpeluang mengikuti kursus penerbitan di London dalam bidang buku pelajaran dan buku kanak-kanak. Sekembalinya dari kursus itu saya ditempatkan di Bahagian Buku Pelajaran. Maka terpisahlah saya daripada kawan-kawan lama di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera (yang kebanyakannya dari Bahagian Pengarang).

Pada tahun 1973 saya bertugas semula dengan kawan-kawan lama apabila terpilih menjadi Pegawai Sastera (BPPS) di Cawangan Umum. Seterusnya Cawangan Umum dinaikkan ke taraf bahagian pada tahun 1975. Saya ikut serta menjadi seorang daripada 17 anggota peneroka Bahagian Penerbitan Umum (BPU). Kami telah sama-sama membinanya (kemudian diikuti oleh anggota-anggota lain) hingga ke tahap seperti yang terdapat sekarang.

Kini telah 10 tahun saya berada di BPU. Walaupun adakalanya pengalaman di BPU tidaklah begitu manis, namun sebagai orang lama yang dari dulunya mempunyai "cause" untuk bertugas di DBP, perkara-perkara seperti itu dapat 'ditelan' walaupun pahit. Kini semangat mendaulatkan bahasa Kebangsaan tidak timbul lagi kerana bahasa Melayu sudah pun menjadi bahasa Kebangsaan/bahasa Malaysia. Sekarang bagi saya, menyediakan buku yang bermutu dalam bahasa Malaysia untuk kanak-kanak menjadi tugas utama.

—Datin Hajah Hamsiah Hj. Abd. Hamid



# Coretan Rasa

Hari pertama di Dewan Bahasa dan Pustaka ketika melapor diri, saya terserempak dengan dua muka baru yang sama-sama melapor diri – Sutong Umar R.S. dan Jaafar Abdul Rahim. Saya tidak kenal mereka tetapi kedua-duanya menegur saya, "Saudara Ajikikkah ni?" "Kau siapa? Sutong ya! Kau pula siapa, saya tak kenal kau," kata saya. "Jaafar Rahim, saya dari Dewan Masyarakat," dia menjawab riang. Itulah peristiwa yang menjadi kenangan hari pertama saya di DBP.

Saya mula bertugas di unit majalah *Dewan Sastera* (untuk sementara sahaja), begitu juga dengan Sutong Umar R.S. Suatu hal yang menyeronokkan ketika mengendalikan penerbitan *Dewan Sastera* apabila hendak menyiaran cerpen yang di dalamnya ada satu perkataan yang amat sensitif terhadap kaum lain. Keris Mas meminta perkataan itu dibuangkan dan saya terus membuang perkataan itu. Bila ditanya oleh beliau sudahkah mendapat kebenaran penulis berkenaan, saya katakan belum. "Dengan Mohd. Afandi Hassan, kau jangan main-main. Pergi jumpa dia dan minta dia tandatangan mengesahkan pembuangan perkataan tersebut," kata Keris Mas kepada saya.

Mohd. Afandi Hassan merupakan seorang penulis yang tegas dan berani mengkritik di dalam akhbar. Keris Mas bimbang yang dia akan melakukan sesuatu yang tidak menyenangkan kalau perkataan itu dibuang tanpa kebenarannya, dan ini akan memalukan DBP. Saya pun menemui Mohd. Afandi Hassan di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dia ketawa besar bila mengetahui hal itu, dan bersetuju perkataan itu dibuang. Cerpennya itu mendapat Hadiah Sastera 1974.


Saya bertugas di Bahagian Penerbitan Umum (BPU) pada Oktober 1978 untuk menguruskan majalah *Dewan Siswa* yang dirancangkan terbit pada Januari 1979. Di antara editornya ialah Jaafar Abdul Rahim, Mohamad Bahadon dan Kamariah Yusof. Saya masih ingat lagi, merancang bahan untuk *Dewan Siswa* berlaku di mana-mana sahaja. Umpamanya merancang siri "Warisan Islam" di kantin DBP. Saya dan Rahman Rukaini berbincang tentang isinya dan pendekatannya, dan akhirnya ia menjadi siri tetap *Dewan Siswa* hingga kini. Siri "Proses" dalam *Dewan Siswa* juga

berlaku di kantin ketika berbincang dengan kawan-kawan, bermula dengan idea gila-gila. Kemudian tugas saya digabungkan untuk mengendalikan majalah *Dewan Siswa* dan buku Umum, *Dewan Siswa* diserahkan kepada Johan Jaaffar apabila beliau pindah ke BPU.

Saya masih ingat lagi, pernah saya menulis minit dalam fail sulit kepada Ketua Pengarah DBP (sepertutnya tidak harus saya lakukan) meminta beliau bersetuju mengadakan satu bilik, dan seorang jurutrengkas bagi seorang penulis yang ternama kerana beliau hendak menyemak dan membuat edisi baru bukunya semasa cuti panjang. Dalam mesyuarat bahagian yang dihadiri oleh Ketua Pengarah bertempat di Bilik Mesyuarat Lembaga, Ketua Pengarah mengatakan bahawa saya mengarahkannya membuat kerja yang sepertutnya tidak harus diberitahu beliau kerana perkara itu boleh diselesaikan oleh Ketua Bahagian.

Peristiwa ini, hingga hari ini, menjadi bahan yang melucukan dan menyedihkan saya. Bagaimanapun perkara yang paling menonjol pada peringkat awal BPU ialah semua kakitangannya lebih menumpukan kepada kerjanya daripada peraturan, lebih-lebih lagi Ketua Bahagian pada masa itu, Sdr. Noor Azam seorang yang kuat melanggar peraturan. Saya masih ingat kata-katanya yang lebih kurang begini erti, "Kalau kita dibuang kerja kerana melakukan kebaikan, kita akan berhenti dengan senang hati; tetapi takkanlah kita dibuang kerja kerana melakukan sedikit kesalahan, untuk kebaikan."

— Haji Ismail Ahmad



# Pelopor BPU



Sdr. M. Noor Azam. Mula bertugas di DBP pada 1-6-1960 di Bahagian Pengarang. Menjadi Ketua BPU yang pertama (1975 – 1984). Kini bertugas sebagai Setiausaha Politik Dr. Mahathir Mohamad.



Sdr. Ahmad Fadzil Hj. Yassin. Mula bertugas pada 7-2-1972, pernah menganggotai Sidang Editor *Dewan Masyarakat*, kemudian menjadi Editor Buku Dewasa dan sekarang ini bekerja dengan penerbit swasta.



Haji Saleh Daud. Mula bekerja di DBP pada 15 Jun 1963. Bertugas di BPU pada 15 Julai 1975, dan sekarang menjawat jawatan Timbalan Ketua BPA.



Sdr. Rubaidin Siwar. Mula berkhidmat pada 22-2-1972 di Cawangan Buku Remaja, BPU. Dalam era baru ini beliau telah ditukarkan ke Bahagian Majalah mengendalikan *Dewan Pelajar*.



Datuk Hajah Hamsiah Haji Abdul Hamid. Mula bertugas di DBP pada 1 Mac 1963. Bertugas di BPU pada tahun 1975 dan kini bertugas sebagai Ketua CBKK.



Sdr. Abdul Jalil Abdul Rahman. Berkhidmat di DBP sejak 15 Mac 1972. Sekarang ini beliau merupakan editor *Dewan Masyarakat* di Bahagian Majalah.



Sdr. Lotfi Ismail. Bertugas di BPU pada 1-10-1973 dan meletakkan jawatan pada 4-8-1975. Sekarang ini bergiat cergas dalam bidang perniagaan.



Sdr. Abdul Ahmad. Mula bertugas di BPU pada 1-10-1973, pernah menganggotai Sidang Editor *Dewan Masyarakat*. Kini bertugas sebagai Pemangku Editor *Dewan Siswa*.



Sdr. Jaafar Abdul Rahim. Mula bertugas di DBP pada 1-7-74 sebagai penolong pengarang *Dewan Masyarakat* dan penolong pengarang *Dewan Siswa* sejak 1-1-1979. Sejak 1-1-1982 penolong editor kanan buku dewasa hingga kini.



Sdr. Ahmad Kaba. Mula berkhidmat di DBP pada tahun 1964. Mula-mula bertugas di Bahagian Stor, Perniagaan dan Pentadbiran sebelum bertugas di BPU. Kini bertugas di Unit Pengeluaran.



Sdr. Abdul Rahman Abdul Rahim. Mula bertugas di DBP pada 1-10-1968, di Bahagian Kewangan, Perpustakaan dan Perjawatan. Pada tahun 1975 bertugas di BPU sehingga 31-12-1981. Mulai 1-1-1982 hingga kini bertugas di Bahagian Pentadbiran Am.



Sdr. Siti Zubaidah Abdul Razak. Ketika berkhidmat di DBP terus ditempatkan ke BPU sebelum bertugas di Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera pada tahun 1983, dan ke Bahagian Pentadbiran pada tahun yang sama. Pada 1 Mei lalu ditugaskan di Bahagian Perjawatan DBP.



Sdr. Raudah Hj. Abd. Aziz. Mula bertugas di DBP pada 1-6-1975 di BPU. Pada 7-3-1982 beliau telah menamatkan perkhidmatannya.



Sdr. Badaruddin Abd. Aziz. Mula bertugas pada 1-8-1975 di BPU, dua tahun kemudian ke Unit Pengeluaran dan bertugas di unit Mekap pada 14-6-1978 sehingga kini.



Sdr. Haznah Ajud. Mula berkhidmat dengan DBP pada 1-11-1964, dan bersara pada 29-5-1983. Beliau pernah bertugas di Bahagian Penyelidikan, Perpustakaan, Perkembangan Sastera dan BPU sehingga bersara.



Sdr. Abu Yazid Abidin. (Allahyarham). Mula bertugas di DBP pada 1-3-1957 di Cawangan Umum, dan apabila BPU ditubuhkan beliau turut serta ke BPU sehingga bersara pada 27-10-78. Kembali ke rahmahtullah pada 8-5-1980.



# Kalungan Budi

*Jatuh Sehelai Daun Durian,  
Angin Meniup Semilir Tenang;  
Tidak Ternilai Budimu Tuan,  
Seumur Hidup Kami Mengenang.*

Yang Amat Arif Tun Dato' Haji Mohd Salleh Abas  
Yang Berbahagia Datuk Musa Mohamad  
Bahagian Perniagaan  
Unit Rekabentuk  
Unit Pengeluaran  
Unit Percetakan  
Unit Majalah  
Unit Fotografi  
Kedai Buku Koperasi  
Pan-Vision Sdn. Bhd.  
Akhbar-akhbar tempatan  
Radio Malaysia Ibu Kota  
Universiti Malaya  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Universiti Pertanian Malaysia  
Universiti Teknologi Malaysia  
Institut Teknologi MARA  
Institut Bahasa  
Maktab Perguruan Ilmu Khas  
Maktab Perguruan Islam  
Maktab Perguruan Seri Kota  
Stamford College  
Universiti Islam Antarabangsa  
Kolej Tunku Abdul Rahman  
Oriental Bank Berhad (Menara Promet,  
Jln. Sultan Ismail).

....dan sesiapa sahaja baik secara perkumpulan  
mahupun secara perseorangan yang telah memberikan  
bantuan sama ada berbentuk moral atau  
material bagi menjayakan Perayaan BPU Satu  
Dekad – Menghadapi Era Baru.

# Aturcara Sepanjang Minggu

## Program Perayaan BPU Satu Dekad – Menghadapi Era Baru

**Iasnin 16 Jun 1986**

0800 – 1700

: Pameran  
Ruang Legar DBP

**Selasa 17 Jun 1986**

0830 – 1700

: Sehari Bersama DBP  
Sudut Penulis, Bahagian Penerbitan Am,  
URB, Unit Pengeluaran, Unit  
Majalah

0800 – 1700

: Pameran  
Ruang Legar DBP

**Rabu 18 Jun 1986**

0845 – 1000

: Majlis Perasmian  
Perayaan BPU Satu Dekad – Menghadapi Era Baru  
dan Dialog Penulis-Editor  
Balai Seminar DBP

1000 – 1230

: Dialog Penulis-Editor  
"Mempertingkat Mutu Penulisan dan  
Penerbitan Buku Peringkat Dewasa/Tinggi"  
Balai Seminar DBP

1400 – 1630

: Dialog Penulis-Editor  
"Mempertingkat Mutu Penulisan dan  
Penerbitan Buku Peringkat Kanak-kanak/Remaja  
Balai Seminar DBP

0800 – 1700

: Pameran  
Ruang Legar DBP

**Khamis 19 Jun 1986**

0900 – 1200

: Seminar Rekabentuk Buku  
Balai Seminar DBP

1600 – 1700

: Kuiz Buku BPA Di RMIK  
Pameran  
Ruang Legar DBP

**Jumaat 20 Jun 1986**

0800 – 1700

: Pameran  
Ruang Legar DBP

**Iasnin – Sabtu (16 – 20 Jun)**  
0800 – 1700

: Jualan Buku  
Kedai Buku Koperasi DBP

**KOLEKSI N. A. HALIM**

*Nemperingkat ilmu melalui buku*

**GANDAKAN PENGETAHUAN ANDA**

**PAMERAN**

**BPU SATU**

**DEKAD**

**MENGHADAPI ERA BARU**

dari 16 – 21 Jun 1986

di Ruang Legar, DBP

JAM 8.30 PAGI –

**5.00 PETANG**



**KOLEKSI N. A. HALIM**

Pameran ini menyorot kembali kemajuan Bahagian Penerbitan Umum sejak 10 tahun yang lalu serta era barunya dalam Bahagian Penerbitan Am.

Siapakah di belakang BPU,  
DEWAN MASYARAKAT,  
DEWAN PELAJAR dan  
DEWAN SISWA?

Apa-apakah buku yang memenangi Hadiah Majlis Kemajuan Buku Kebangsaan (MKBK)?  
dan pelbagai lagi.

# ATURCARA

## **Selasa 17 Jun 1986**

8.30 pagi – 5.00 petang

SEHARI BERSAMA DBP

## **Rabu 18 Jun 1986**

8.45 – 10.00 pagi

MAJLIS PERASMIAN PERAYAAN 'BPU SATU DEKAD – MENGHADAPI ERA BARU' serta DIALOG PENULIS-EDITOR oleh Y.Bhg. Datuk Musa Mohamad, Pengurusi Lembaga Pengelola, DBP.

## DIALOG PENULIS-EDITOR

Sesi I: 10.00 pagi – 12.30 tengah hari

Memperingkat Mutu Buku Bacaan Umum Peringkat Tinggi

Sesi II: 2.00 – 5.00 petang  
Memperingkat Mutu Buku Bacaan Kanak-kanak dan Remaja

## **Khamis 19 Jun 1986**

9.00 pagi

SEMINAR REKABENTUK BUKU

4.00 – 5.00 petang

KUIZ BUKU DI RMIK

**JUALAN BUKU ISTIMEWA  
DARI 16 – 21 JUN 1986  
DI KEDAI BUKU DBP  
JAM 8.30 pagi  
– 5.00 petang**

POTONG DI SINI  
Bawa keratan ini bersama-sama  
dapatkan potongan harga 15% bagi setiap pembelian  
dari kedai buku DBP.

